

BAB TIGA

LATAR BELAKANG DAN OPERASI PROGRAM PEMBANGUNAN

EKONOMI MASYARAKAT BAITUL QIRADH

BINA INSAN MANDIRI BANDA ACEH

3.1 Pendahuluan

Menjawab soalan perekonomian umat tidak boleh sekadar hanya dengan kata-kata, tetapi perlu sebuah aplikasi nyata yang boleh dirasai secara langsung oleh masyarakat awam. Pandangannya adalah bagaimana usaha yang perlu dilakukan yang menjurus pada akar persoalannya, iaitu meningkatkan kemampuan rakyat secara umum, kerana manusia sebagai sumber yang paling utama dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.¹

Masyarakat yang tertinggal harus ditingkatkan kemampuannya dengan mengembangkan dan meningkatkan potensi dengan cara membina dan mendampingi masyarakat dalam membangunkan usaha. Secara praktis usaha untuk mengembangkan potensi ekonomi rakyat harus dikerah untuk meningkatkan produktiviti rakyat sama ada sumber insan atau sumber daya alam di sekelilingnya. Membina memanfaatkan lingkungannya secara penyertaan akan menghasilkan dan menumbuhkan nilai tambah ekonomi yang boleh menstabilkan umat.²

Program pembangunan ekonomi masyarakat dengan membuat pendampingan komuniti akan lebih berkesan pada masyarakat kurang mampu yang akan meningkatkan taraf ekonomi, taraf, martabat, rasa percaya diri dan harga diri. Dengan demikian dapatlah dikatakan bahawa program pembangunan ekonomi masyarakat ialah sebuah konsep yang membangun nilai-nilai sosial. Dalam rangka pengembangan usaha unit simpanan pinjaman BQ-BIMA memenuhi keinginan usaha kecil masyarakat Banda

¹ Abul Hasan Muhammad Sadeq (1993), Muslim and Economic Development: Present State and Future Potentials”, dalam Kadir H. Din (ed), *Development and the Muslims*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 47-48.

² Ginandjar Kartasasmita (1996), “Pemberdayaan Ekonomi Rakyat Melalui Kemitraan Guna Mewujudkan Ekonomi Nasional Yang Tangguh dan Mandiri” (Seminar Nasional: Lembaga Pembinaan Pengusaha Kecil Menengah dan Koperasi /LP2KM-GOLKAR), Jakarta: 7 November 1996. h. 3

Aceh yang terdiri daripada warga kampung baru dan sekitarnya. Pasar Aceh dan sekitarnya mempunyai aktiviti mobiliti masyarakat yang sangat berpotensi, buktinya dengan aktifnya pasar Aceh dan banyak perusahaan baru. Program ini merupakan program pembangunan ekonomi masyarakat dengan pendampingan masyarakat mandiri yang berasaskan komuniti.³

Program Pembangunan ekonomi rakyat merupakan salah satu misi yang dilaksanakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh wujud dengan penyesuaian semula program yang akan dilaksanakan. Cita-cita mewujudkan masyarakat yang makmur dengan membangun ekonomi masyarakat tempatan iaitu masyarakat Banda Aceh khasnya dan masyarakat umum lainnya. Pencapaian yang diinginkan oleh BQ-BIMA Banda Aceh tidak hanya meningkatkan pendapatan material sahaja tapi juga non-material. Ini telah dinyatakan dalam visi BQ-BIMA Banda Aceh.

Pembangunan ekonomi masyarakat khasnya masyarakat Banda Aceh, akan memberikan dampak yang positif terhadap kehidupan ekonomi masyarakat yang sebahagian besar ialah umat Islam.⁴ Bab ini akan menghuraikan bagaimana membentuk program pembangunan ekonomi yang dipraktikkan oleh BQ-BIMA Banda Aceh dengan menumpukan sistem operasi syariah sebagai prinsip ideologi institusi ini.

3.2 Latar Belakang Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh

Terbentuknya institusi atas inisiatif Dompet Dhuafa Republika telah memperuntukkan pembangunan ekonomi masyarakat Aceh pasca Tsunami dengan jumlah ahli awal sebanyak 25 orang sebagai pengasas, kemudian mereka mengadakan mesyuarat pembentukan institusi dan pengurusan pada tarikh 15 Oktober 2005. BQ-BIMA yang merupakan Institusi Kewangan Mikro Syariah yang kegiatannya adalah menghimpun

³ Project Proposal Pemberdayaan Ekonomi dan Usaha Masyarakat Produktif Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh. 7.5.2009.

⁴ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

dan menyalurkan dana dari masyarakat dan bersifat *profit motive*. Proses perhimpunan dana diperoleh daripada pihak lain (ahli, penyimpan, penabung) dan menyalurkan kepada yang memerlukan melalui pembiayaan (pinjaman) untuk usaha produktif, konsumsi, maupun pelaburan dengan sistem perkongsian untung dan rugi (*al-Mudārabah atau profit sharing*), penyertaan modal usaha (*al-Mushārakah*), membeli dan membayar dengan ansuran (*al-bay' bithaman ājil*) dan sewa (*al-Ijārah*).⁵

Baitul Qiradah adalah sebuah Institusi Kewangan Mikro Syariah Non-Bank yang berfungsi sebagai institusi yang membantu pelabur dengan masyarakat awam. Adanya pelaburan daripada orang yang mempunyai kelebihan harta yang akan diatur dalam bentuk berkongsi untung dan rugi dengan tujuan untuk membantu orang-orang yang mempunyai pekerjaan sendiri dan ingin bangkit dari kemiskinan. Selain daripada melakukan pelbagai bentuk usaha dalam membangun ekonomi masyarakat sekitar juga melakukan segala kegiatan sosial bagi membangkitkan masyarakat dari kemiskinan dan kebodohan. Usaha-usaha yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan per kapita penduduk dengan cara menjalankan proses pengagihan untuk menciptakan keseimbangan.⁶

Islam telah mengatur kehidupan dengan menyeimbangkan antara ibadah dengan bekerja, kedua hal tersebut saling berhubung kait dalam kehidupan. Bekerja untuk memenuhi keperluan diri, keluarga dan orang yang di bawah tanggungan⁷ menjadi wajib bagi setiap umat Islam. Kerananya mereka perlu perhatian dari mana-mana pihak yang mempunyai kelebihan rezeki daripada Allah SWT, supaya mahu melaburkan dan membantu masyarakat yang mempunyai keinginan untuk bekerja.

⁵ Nur Kholis (2006), *Op. Cit.*, h. 54.

⁶ Charles P. Kindleberger (1958), *Economic Development*. New York: The McGraw-Hill Book Company Inc., h. 9

⁷ Jaafar Salleh (2001), *Pandangan Ahli Korporat, Ekonomi dan Perniagaan Secara Islam*, Kuala Lumpur; Al-Hidayah Publishers, h. 7.

Masyarakat mempunyai kelebihan harta dan bagi yang tidak mampu menggunakan harta secara maksimum yang disebabkan oleh terhadnya masa dan kemahiran boleh mendapat kesempatan untuk melakukan pelaburan. Adanya Institusi kewangan mikro Islam akan memperkecil peredaran wang pada kalangan orang kaya sahaja akan tetapi dengan pelbagai usaha yang dilakukan diharapkan akan memberi manfaat kepada masyarakat kecil dan sederhana kerana kalangan masyarakat ini lebih ramai berbanding orang kaya.⁸

Islam sangat menganjurkan keseimbangan ekonomi⁹ dalam pembangunan insan dan saling berkasih sayang. Sikap saling mengasihi akan mencipta kesejahteraan hidup dan terpeliharanya kepentingan masyarakat.¹⁰ Seperti yang telah disebutkan di atas bahawa Islam sangat menganjurkan tolong menolong sesama Muslim dalam ekonomi. Sebagai sarana tersebut institusi BQ-BIMA Banda Aceh akan dapat meringankan dan melancarkan kegiatan para masyarakat tempatan yang tidak mempunyai modal untuk melaksanakan kegiatan yang produktif dengan sistem operasi syariah¹¹ dalam usaha meningkatkan kualiti ekonomi pengusaha kecil dan sederhana.¹² Kesaksamaan ini akan mewujudkan pengagihan pendapatan dan kekayaan yang di anggap oleh semua orang sebagai bahagian-bahagian yang terdapat di dalam falsafah moral Islam dan berdasarkan kepada komitmen persaudaraan sesama manusia yang tidak berbelah bahagi.¹³

Sebagai institusi syariah BQ-BIMA harus berpegang teguh pada prinsip-prinsip syariah¹⁴. Pengembangan BQ-BIMA Banda Aceh diharapkan boleh memberi manfaat bagi masyarakat di dunia dan akhirat. Objektifnya juga dipadukan antara perniagaan dan

⁸ Shofian Ahmad (2001), "Masalah Asas Ekonomi dan Penyelidikan Menurut Islam", *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Vol. 9 (1) h. 87

⁹ Lihat M. Umer Chapra (1985), *Towards A Just Monetary System*. Leicester: The Islamic Foundation, h.37.

¹⁰ Hailani Muji Tahir (1986), *Pengenalan Tamadun Islam dalam Institusi Kewangan*, Cet. I, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 39-41.

¹¹ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

¹² Lihat Saad al-Harran et al. (1994), *Islamic Marketing Strategy Eradicating Racial Poverty in Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publication.

¹³ Mulyarto (1990), *Sistem dan Moral Ekonomi Indonesia*, Jakarta : LP3ES, , hal. 21.

¹⁴ Aris Setiawan (2009), "Efektifitas Strategi Pemasaran Produk BMT Jogjatama Dalam Meningkatkan Keunggulan Kompetitif", (Skripsi, Progam Studi Ekonomi Islam Fakultas Ilmu Agama Islam, UII Yogyakarta).

sosial.¹⁵ Penggabungan ini dapat dilihat dari visi dan misi BQ-BIMA Banda Aceh iaitu dengan sifat mencari keuntungan dengan cara yang halal dan menolong masyarakat awam. Membuat pendekatan dengan masyarakat awam tidak mudah, pendekatan itu akan terwujud apabila sifat kekeluargaan dan kebersamaan boleh terjadi. Sehingga dalam mencapai kejayaan pun akan diraih secara bersama baik antara kakitangan mahupun dengan para ahlinya.

Selain kebersamaan BQ-BIMA Banda Aceh juga tidak ingin bergantung pada bantuan kerajaan tetapi diharapkan para ahli lebih berperan dalam memandirikan institusi ini.¹⁶ Organisasi ini yang masih berumur kurang daripada lima tahun tentunya masih banyak kekurangan yang harus dihadapi di masa hadapan. Oleh itu pengelolaannya diharapkan profesional dan mempunyai sumber insan yang berkualiti. Membangun perekonomian pada institusi kewangan mikro syariah, merupakan cara untuk memperkuatkan masyarakat yang mandiri dan dapat terhindar dengan sistem perekonomian yang kapitalis. Islam sangat menganjurkan umatnya untuk membangun perekonomian yang kuat.¹⁷ Banyak ayat al-Quran yang menegaskan tentang sistem ekonomi yang kuat dan mempunyai etika. Allah berfirman yang bermaksud:

”Apabila telah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung.”

(Surah Al-Jumuah: 10).

Institusi BQ-BIMA Banda Aceh dalam hal ini harus bekerja keras untuk membangun dan mengembangkan ekonomi yang adil, makmur da maju yang direndai oleh Allah SWT. Bagi mewujudkan keadilan dan terhindar dari amalan riba BQ-BIMA ini akan menjadi alternatif bagi orang yang tidak mahu terlibat dalam amalan faedah.

¹⁵ Nur Kholis (2006), *Op. Cit.*, h. 54.

¹⁶ Project Program Pemberdayaan Ekonomi dan Usaha Masyarakat Produktif. Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh.

¹⁷ Aris Setiawan (2009), *Op.Cit.*, h. 2.

Untuk pelaksanaan rancangan bermacam-macam program dan operasinya harus memiliki kekuatan hukum sebagai pelindung. Maka BQ-BIMA Banda Aceh¹⁸ memiliki kekuatan hukum koperasi¹⁹ dengan nombor 457/BH/KDK/1.9/II/2006.²⁰ Baitul Qiradh merupakan suatu Institusi Kewangan Mikro Syariah yang memiliki kesamaan dalam operasi dengan Koperasi.²¹ Institusi ini mempunyai karakter khas dalam sistem operasi program-program yang dijalankan dengan memberi perkhidmatan dengan menawarkan pelbagai produk pembiayaan ataupun perkhidmatan yang mampu untuk bersaing²² dengan institusi-institusi kewangan lain yang mempunyai kesetaraan dengannya. Bahkan institusi ini mempunyai hubungan yang rapat dengan beberapa bank syariah yang ada di Banda Aceh.

3.3 Sejarah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh

Setelah dilanda tsunami banyak orang yang merasa sangat prihatin melihat Aceh pada waktu itu yang juga masih bergejolak perang saudara. Sebagai inisiatif dari rasa prihatin tersebut terbentuklah BQ-BIMA di Banda Aceh untuk boleh membantu masyarakat yang terkena tsunami yang kehilangan sumber pendapatan sekali gus usahanya yang dianggap sebagai sumber pendapatan sehari-hari. Kewujudan institusi Bank di Aceh yang ada pada waktu itu tidak boleh membantu mereka kerana mempunyai prosedur yang rumit dan pembiayaan dalam sekala menegah ke atas. Bagi masyarakat kecil prosedur tersebut sangat membebangkan bahkan tidak mampu untuk didapat.²³

¹⁸ Baitul Qiradh Binan Insan Mandiri (BQ-BIMA) Banda Aceh berkedudukan di Jalan T. Cut Ali No.36 Kampung Baru Banda Aceh

¹⁹ Badan hukum koperasi, baik KSU (Koperasi Serba Usaha) mahupun KSPS (koperasi simpan pinjam syariah). Bagi Baitul Qiradh berbadan hukum KSU, seterusnya dibentuk Unit Simpan Pinjam Syariah (USPS).¹⁹ Unit ini yang menangani kegiatan usaha simpan pinjam secara terpisah dengan kegiatan usaha lainnya.

²⁰ Akta Notaris H.Nasrullah. SH, Pejabat Pembuat Akta Tanah Banda Aceh, SK. Menteri Negara Agraria/KA BPN, No. 14-XI-1998, Tanggal 31 Angustus 1998. Tentang Akta Koperasi Bina Insan Mandiri No, 09. 6/02/2006.

²¹ Dasar hukumnya, pasal 1 ayat 1 UU Berkoperasi No.25 Tahun 1992 adalah badan usaha yang dianggotai orang-orang atau badan hukum dengan berlandaskan kegiatannya berdasarkan prinsip-prinsip koperasi sekali gus sebagai gerakan ekonomi rakyat yang berlandaskan atas kekeluargaan

²² *Ibid.*

²³ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

Terbentuknya institusi BQ-BIMA yang merupakan Institusi Kewangan Mikro Syariah yang kegiatannya adalah menghimpun dan menyalurkan dana dari masyarakat dan bersifat saling memberi keuntungan. Proses perhimpunan dana diperoleh daripada pihak lain (ahli/pelanggan) dan menyalurkan kepada yang memerlukan melalui pembiayaan (pinjaman) untuk usaha produktif, konsumsi, maupun pelaburan dengan sistem perkongsian untung dan rugi (*al-mudārabah atau profit sharing*), penyertaan modal usaha (*musyarakat*), membeli dan membayar dengan ansuran (*al-bay' bithaman ājil*) dan sewa (*al-Ijārah*).²⁴ Walaupun berbadan hukum koperasi BQ-BIMA Banda Aceh mempunyai hak untuk mengelola dana masyarakat dalam mendanai kegiatan usaha yang produktif untuk membangkitkan dan membangun ekonomi umat.²⁵

Pembentukan BQ-BIMA yang berpusat syariah yang beralamat di jalan T. Cut Ali bertepatan di sebelah barat masjid raya Baiturrahman Banda Aceh. Pendiriannya atas inisiatif Dompet Dhuafa Republika diperuntukkan bagi pembangunan ekonomi masyarakat Aceh pasca Tsunami dengan jumlah ahli awal sebanyak 25 orang sebagai pengasas, kemudian mereka mengadakan musyawarah pembentukan institusi dan pengurusan pada tarikh 15 Oktober 2005.

Setelah didirikannya BQ-BIMA diharapkan boleh meningkatkan pendapatan masyarakat awam melalui pembangunan masyarakat kecil dan sederhana di bidang perniagaan, kemahiran, perusahaan keluarga, pertanian, dan lain-lain. Sebagai tindakan tersebut BQ-BIMA Banda Aceh semenjak tarikh 2 Januari 2006 telah memulai kegiatan simpanan dan pinjaman sebagai salah satu bentuk operasi. Aktiviti jenis simpanan ini dinamakan Simpanan Masyarakat,²⁶ yang merupakan simpanan murni daripada ahli,

²⁴ Nur kholis (2006), *Op.Cit.*, h. 54.

²⁵ Juli Sartika Sari (2009), “Analisis Perkembangan Modal Kerja Brsih Terhadap Profitabilitas Lembaga Kewangan Mikro Syariah (LKMS) Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri di Kota Banda Aceh”, (Skripsi, Priodi Akutansi, Fakultas Ekonomi, Universitas Muhammadiyah Aceh), h. 38.

²⁶ Dalam hal ini penabung juga akan mendapatkan keuntungan daripada pelaburan BQ-BIMA kepada pihak pengusaha, tetapi tidak ditentukan secara pasti keuntungan yang akan di dapat oleh penabung, itu bergantung pada keuntungan yang di dapat BQ-BIMA.

masyarakat dan kerajaan, sama ada perseorangan mahupun institusi.²⁷ Selain berfungsi sebagai tempat penyimpanan kewangan BQ-BIMA juga berfungsi sebagai institusi pembiayaan.²⁸ Kemudian setelah melakukan penyaluran pembiayaan kewangan kepada masyarakat yang memerlukan. BQ-BIMA juga mengawal²⁹ berjalannya hasil pembiayaan untuk mencapai matlamat yang diharapkan.³⁰ Proses perjalanan di atas merupakan sarana bagi mencapai matlamatnya untuk meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup ahli khususnya dan masyarakat pada umumnya. Kegiatan seperti ini merupakan gerakan ekonomi rakyat dalam memberi sokongan kepada kerajaan dengan mengambil peranan membangun sistem ekonomi nasional.

Sedangkan misi yang ingin dicapai adalah memperkuat sumber insan yang lebih berkualiti dengan berkemahiran yang mampu berdaya saing secara nasional. Selain daripada itu diharapkan juga boleh mengerti muamalat secara syariah dan mengerti etika perniagaan untuk mencapai keuntungan yang berterusan dan memberi nilai lebih bagi ahli sekali gus dapat mendorong tumbuhnya keusahawanan dengan membina hubungan yang berterusan antara institusi dan ahlinya.³¹ Bagi melaksanakan semua itu BQ-BIMA Banda Aceh harus memenuhi ketentuan UU No. 22 tahun 1992 tentang pokok-pokok berkoperasi bahawa koperasi harus mempunyai badan hukum. Sesuai dengan kehendaknya pada tarikh 8 Februari 2006 telah terpenuhi badan hukum³² sebagai penguatan operasi.

²⁷ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

²⁸ Pembiayaan dalam UU Nomor 10 Tahun 1998, adalah penyediaan wang atau agihan yang disamakan dengan itu berdasarkan persetujuan atau kesepakatan antara bank dengan pihak lain yang mewajibkan pihak yang dibiayai untuk mengembalikan wang atau agihan tersebut setelah jangka waktu tertentu menggunakan dasar kas.

²⁹ Sebahagian orang akan dikawal dengan melaksanakan latihan dan pembinaan terhadap masyarakat yang menggunakan dana agihan tersebut.

³⁰ Project Program Pemberdayaan Ekonomi dan Usaha Masyarakat Produktif. Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Band Aceh.

³¹ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

³² Akta Notaris H.Nasrullah. SH, Pejabat Pembuat Akta Tanah Banda Aceh, SK. Menteri Negara Agraria/KA BPN, No. 14-XI-1998, Tanggal 31 Angustus 1998. Tentang Akta Koperasi Bina Insan Mandiri No, 09. 6/02/2006.

3.4 Objektif Penumbuhan Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh

Sesuai dengan yang dicita-citakan oleh Institusi BQ-BIMA iaitu meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup ahli pada khususnya dan masyarakat pada umumnya.³³ Gambaran objektif di atas yang menggalakkan pembangunan ekonomi Islam di dataran akar ummi yang dapat dikhurasukan sebagaimana berikut, iaitu:

3.4.1 Menumbuhkan semangat Islam dalam amalan ekonomi.

Adapun semangat amalan ini bermatlamatkan agar anggota BQ-BIMA Banda Aceh dapat memahami hikmah dalam berekonomi dengan berlandaskan agama yang menyangkut;

- 1) Membangun ibadah asas seperti solat, zakat, puasa dan haji.
- 2) Supaya hukum Allah tertegak di dalam ekonomi
- 3) Mensyukuri nikmat Allah SWT
- 4) Membangunkan fardhu kifayah di bidang ekonomi agar terhapus dosa bersama.³⁴

3.4.2 Menumbuhkan semangat ikhtiar dalam berekonomi

Adapun objektif ini akan tercapai apa bila BQ-BIMA Banda Aceh memberi perkhidmatan kepada masyarakat dengan pelbagai bentuk, iaitu:

- 1) Untuk membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat.
- 2) Menyediakan peluang kepada ahli-ahlinya menyimpan, melabur dan menyertai bidang perniagaan.³⁵
- 3) Menjalankan aktiviti perniagaan

³³ Jaafar Salleh (2001), *Op.Cit.*, h. 52 dan Lihat Juga Mohamad Shafiq bin Hj Badaruddin (2000), “Koperasi Al-Falah Berhad: Operasi dan Peranannya Menurut Sistem Ekonomi Islam”, (Disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). h. 65.

³⁴ Tuntutan fardhu kifayah kalau tidak ditegakkan seluruh masyarakat akan berdosa. Tapi kalau ada sebahagian melaksanakannya, maka terhapus dosa yang lain.

³⁵Mustapa Mohamed (1995), *Sistem dan Institusi Kewangan Islam Malaysia*, Cet. I, Kuala Lumpur; Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd. h. 94 dan Lihat Juga Syukri Salleh (2006), *Op. Cit.* h. 78.

- 4) Menjalankan aktiviti perusahaan keluarga (*home industry*)
- 5) Menjalankan perkhidmatan kenderaan
- 6) Menggalakkan berjimat cermat, menyimpan wang, menolong diri sendiri, membantu antara satu sama lain dan memajukan pelajaran di kalangan ahli-ahli.
- 7) Menjalankan kegiatan perladangan dan penternakan.³⁶

Setiap orang yang hidup dalam masyarakat Islam haruslah bekerja dan di perintahkan untuk bekerja.³⁷

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mu’min akan melihat pekerjaanmu itu,..”

(Surah At-Taubah, ayat 105)

Dalam riwayat juga diterangkan Saidina Umar amat tidak suka kepada orang yang tidak bekerja. Pernah beliau menghalau seorang pemuda yang asyik berzikir di dalam masjid. Saidina Umar menilai seseorang berdasarkan pekerjaannya. Pernah Saidina umar berkata; “Sesungguhnya, aku apabila memberi perhatian kepada seseorang aku bertanya dahulu apakah dia ada pekerjaan atau menganggur, maka jatuhlah nilainya kalau menganggur di sisi pandangan aku.³⁸

Huraian tersebut di atas dapat difahami bahawa Islam sangat memberi perhatian untuk mensejahterakan umatnya agar tidak bergantung pada orang lain, apalagi bergantung pada musuh Islam. BQ-BIMA beroperasi pada upaya peningkatan kesejahteraan anggota dan masyarakat. Mencapai kesejahteraan anggota dan masyarakat amat perlu dengan cara membina, melatih dan mengawasi dalam bentuk pendampingan

³⁶ Zainal Abidin Hashim (1997), *Koperasi di Malaysia Asas dan Pergerakan*, Cet. I, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 61.

³⁷ Jaafar Saleh (2001), *Op.cit.* h. 8.

³⁸ Ibid., h. 8.

supaya dapat berdikari. Dengan sendirinya, tidak dapat dibenarkan jika para anggota dan masyarakat menjadi sangat tergantung kepada BQ-BIMA.

Di sini fungsi BQ-BIMA akan benar-benar menjadi institusi monetari untuk pembangunan umat. Di harapkan dengan menjadi anggota BQ-BIMA, masyarakat dapat meningkatkan taraf hidup melalui peningkatan usahanya. Dalam mencapai matlamat untuk peningkatan ekonomi masyarakat, sangatlah perlu program-program untuk mengembangkan dan membangun perekonomian masyarakat. Program-program tersebut juga harus dipelopori oleh institusi seperti BQ-BIMA dalam penyaluran dananya kerana untuk mewujudkan pertumbuhan perekonomian masyarakat diperlukan. Pemberian modal pinjaman seboleh mungkin dapat memberi kemandirian ekonomi para peminjam.

Selain mempunyai matlamat dalam bidang ekonomi BQ-BIMA juga mempunyai matlamat dalam bidang sosial. Aspek sosial ini akan mencapai peningkatan kehidupan anggota yang tidak mungkin dijangka dengan prinsip bisnis. Pada tahap awal, kelompok anggota ini dibangunkan pertumbuhan ekonominya dengan dana zakat, derma dan sedekah, kemudian setelah mereka dinilai mampu, maka harus untuk mereka mengembangkan usaha mereka dengan dana bisnis yang berbentuk komersial. Dana zakat hanya bersifat sementara. Dengan pola ini, penerima manfaat dana zakat akan terus bertambah.

3.5 Visi-misi dan Slogan Baitul Qirad Banda Aceh

3.5.1 Visi

Menyedari amanah umat Islam begitu berat untuk membangun pertumbuhan ekonomi masyarakat yang kurang berkemampuan, maka BQ-BIMA Banda Aceh mempunyai slogan (motto) “Menjadikan institusi kewangan syariah yang dipercayai dan terbaik

dalam mewujudkan kemandirian dan pembangunan ekonomi umat". Slogan ini akan memberi motivasi kepada BQ-BIMA untuk mengambil langkah-langkah dalam mencapai Visi-Misinya.³⁹

BQ-BIMA telah merumuskan visinya iaitu *pertama*, meningkatkan iman⁴⁰, kesejahteraan dan taraf hidup anggota pada khususnya dan masyarakat pada umumnya. *Kedua*, menjadi gerakan ekonomi rakyat serta mengikuti pembangunan sistem perekonomian nasional.⁴¹

3.5.2 Misi

Adapun BQ-BIMA juga mempunyai misi iaitu; *pertama*, terwujudnya sumber daya insan yang profesional dan sepenuhnya mengerti muamalah secara syariah. *Kedua*, menerapkan prinsip-prinsip ekonomi syariah dan etika perniagaan demi mencapai keuntungan yang berkesinambungan dan memberikan nilai tambah bagi anggota. *Ketiga*, mendorong tumbuhnya kesetiausahaan dengan membangunkan media yang berkesinambungan Sahibul maal dan rakan usahawan.

Pencapaian visi-misi ini sangat diperlukan komitmen sebagai berikut, terutama bagi mereka yang secara langsung terlibat dalam gerakan ini.

- 1) Ikhlas dalam bekerja, hinggakan pekerjaan yang diperbuat boleh mendatangkan sikap profesional yang bermatlamat beribadah kepada Allah SWT. Sikap ini boleh mengukuhkan ekonomi masyarakat awam dengan nilai-nilai syariah.
- 2) Memperkuuh modal insan yang bersesuaian dengan matlamat di atas. Modal insan yang berkualiti haruslah amanah, jujur, sabar dan taat pada aturan yang telah di tetapkan.
- 3) BQ-BIMA tidak dapat dikelola dengan pentadbiran yang tidak profesional. Ada prinsip-prinsip dan norma pentadbiran kewangan yang harus diikuti, agar

³⁹ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

⁴⁰ Nur Khalis (2004), *op.cit.*, h. 61.

⁴¹ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

perjalanan sebuah institusi BQ-BIMA dapat dipastikan kesan positif bagi masyarakat yang memerlukannya.

- 4) Pengawalan terhadap kepengurusan dan pekerjaan bagi memperkuuh institusi. Pengawalan ini juga perlu diperkuat secara dalaman dan luaran untuk menghindari berbagai cabaran yang berlaku.⁴²

3.6 Operasi Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh

Institusi kewangan syariah dalam menjalankan usahanya tidak dapat dipisahkan dari konsep-konsep syariah yang mengatur produk dan operasinya. Konsep dasar syariah ini akan dijalankan dasar atas dalam pengembangan produk-produk (skim-skim) institusi kewangan Islam. Dalam pembahasan di bawah akan menghuraikan bentuk operasi yang dijalankan pada BQ-BIMA Banda Aceh dalam mencapai matlamatnya.

3.6.1 Struktur Organisasi

Mengikut tatacara hubungan bekerja, garis kuasa dan tanggungjawab organisasi BQ-BIMA Banda Aceh mengikut organisasi garis dan staf. Bentuk organisasi ini kerana pengurus bersama anggota bertanggungjawab kepada Rapat Anggota dan berdasarkan UU No. 12 tahun 1967 tentang pokok-pokok berkoperasi, struktur organisasi disusun dalam bentuk organisasi garis dan staf.

Sesuai dengan asas BQ-BIMA Banda Aceh berfungsi sebagai institusi mikro syariah yang berlindung di bawah undang-undang koperasi. Secara singkatnya struktur organisasi BQ-BIMA Banda Aceh mempunyai kesamaan dengan Baitul Maal Watamwil yang berada di provinsi lain di Indonesia. Adapun huraian tugas dan kewajiban BQ-BIMA Banda Aceh ialah:

⁴² Saifuddin A. Rasyit (2000), *BMT Bukan Sekedar Alat Ekonomi (Paradigma Baru Ekonomi Kerakyatan Sistem Syariah, Perjalanan Gagasan dan Gerakan BMT di Indonesia Baitul Maal Wat Tamwil)*, Kalibatan Indonesia; PINBUK, h. 285.

i. Musyawarah Anggota⁴³

Adapun rapat anggota mempunyai kekuasaan yang tertinggi dalam operasi BQ-BIMA Banda Aceh, kekuasaannya meliputi memilih, mengangkat, menghentikan pekerja dan pengawas. Selanjutnya merancang anggaran dana dan mengesahkan laporan pekerjaan dalam pelaksanaan tugas.

ii. Badan Pengawas Syariah⁴⁴

Tugas dan kekuasaan badan pengawas syariah ialah sebagai melakukan pengawasan dengan cara pemeriksaan terhadap cara pelaksanaan institusi. Selanjutnya mencatat segala kekayaan institusi dan kebenaran pembukuan, mengumpulkan segala maklumat yang diperlukan, membuat laporan, memberi saran dan nasihat dan aktif melalukan pemerhatian dalam setiap kegiatan selama perkembangannya.

iii. Pengelolaan⁴⁵

Pengelolaan ialah suatu proses pelaksanaan untuk berjalannya suatu institusi. Pengelolaan di sini berupa mengatur pembahagian tugas yang jelas di antara anggota pengurus dan juga menetapkan tanggung jawab masing-masing dan memberi laporan kepada Rapat Anggota mengenai pekerjaannya sekali setahun. Selanjutnya melaporkan secara berkelanjutan tentang institusi yang berhubungan kait dengan pemeriksaan dan menyelenggarakan musyawarah anggota setahun sekali menurut ketentuan dalam AD/ART.⁴⁶

3.6.2 Pentadbiran dan Pengurusan

Bagi menjalankan yang telah dicadangkan dalam rapat anggota dan segala objektifnya tentu perlu adanya pentadbiran dan pengurusan untuk menjalankan organisasi sehingga mencapai matlamatnya. Adapun kepengurusan tersebut terbahagi kepada pengarah

⁴³ Juli Sartika Sari (2009), "Analisis Perkembangan Modal Kerja Bersih Terhadap Profitabilitas Lembaga Kewangan Mikro Syariah (LKMS) Baitul Qirad Bina Insan Mandiri di Kota Banda Aceh", (Skripsi, Jurusan Akutansi, Fakultas Ekonomi, Universitas Muhammadiyah Aceh), h. 36

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Ibid

⁴⁶ AD/ART ialah peraturan-peraturan yang dibuat mengikut undang-undang yang telah disepakati.

utama, pengurus operasi, bendahari, pentadbiran, kerani am, pengarah pemasaran dan pegawai kewangan.

3.7 Sumber Kewangan Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh

Institusi kewangan mikro syariah dan bersifat kekeluargaan merupakan sumber kewangan bagi masyarakat awam untuk menjalankan usaha yang diperbuat bagi membangkitkan taraf ekonomi keluarga.⁴⁷ Masyarakat awam sangat mengharapkan peranan yang maksimum untuk membangkitkan ekonomi secara berterusan.

Berhubung kait dengan permasalahan di atas BQ-BIMA Banda Aceh dalam menentukan sumber kewangannya dengan mementingkan perpaduan dan kerjasama di kalangan ahli-ahlinya, ia memerlukan sumber kewangan dari aspek dalaman yang merupakan pegangan ahli-ahlinya. Selain sumber kewangan daripada ahli-ahlinya sumber dari luaran juga diperlukan sama ada berupa pinjaman dari pemerintah mahupun dari perseorangan.⁴⁸ Begitu juga dengan koperasi, dalam konteks BQ-BIMA permodalan dan kewangan boleh didapati dari pelbagai sumber.

3.7.1 Modal Sendiri (*Sumber daripada ahli-ahlinya*)

Modal sendiri yang berupa sumber kewangan yang berasal daripada para ahli-ahlinya yang berbentuk simpanan tetap, simpanan wajib, dana keselamatan dan hibah yang berbentuk Sumbangan⁴⁹. Sumber daripada Ahli dalam konteks Indonesia disebut modal sendiri iaitu modal yang menanggung risiko atau modal ekuiti. Bentuk modal ini sesuai dengan penjelasan pasal 1 ayat (2) UU Nombor 25/1992 tentang permodalan koperasi.⁵⁰

Dalam konteks Malaysia Sumber daripada Ahli berupa saham mahupun yuran ahli. Dalam perundangan Malaysia tentang sumber daripada ahli diuraikan dalam Akta

⁴⁷ Subandi (2009), *Ekonomi Koperasi (Teori dan Praktik)*, Cet. I, Bandung: Alfabeta, h. 81.

⁴⁸ Amrullah Nagolah (2006), “Operasi dan Pelaksanaan Koperasi Beringin Palembang, Sumatra Selatan Indonesia Menurut Perspektif Islam”, (Desertasi Serjana Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 69.

⁴⁹ Akta Notaris H.Nasrullah. SH, Pejabat Pembuat Akta Tanah Banda Aceh, SK. Menteri Negara Agraria/KA BPN, No. 14-XI-1998, Tanggal 31 Angustus 1998. Tentang Akta Koperasi Bina Insan Mandiri No, 09. 6/02/2006.

⁵⁰Subandi (2009), Op.Cit., h. 82.

Koperasi 1948 iaitu seseorang ahli hendaklah membuat bayaran yang perlu terlebih dahulu sebelum dapat menikmati segala hak dan keistimewaan sebagai ahli.⁵¹

Saham dari ahli-ahlinya sangat menyokong bagi memperkuatkan institusi tersebut untuk mengembangkan peranannya dalam masyarakat. Saham ialah satu bahagian dalam modal yang dibeli oleh ahli-ahlinya. Baitul Qirad haruslah berusaha mengumpul modal dari puncaknya sendiri, iaitu dari kewangan ahli-ahlinya. Ahli-ahli itu haruslah menambahkan saham mereka sehingga jumlahnya menjadi penuh.

i. Simpanan Tetap

Simpanan Tetap ialah sejumlah wang yang sama banyaknya yang mesti dibayar oleh anggota kepada BQ-BIMA pada ketika menjadi ahli. Simpanan tetap tidak boleh diambil kembali selama ia masih terikat menjadi ahli.⁵²

ii. Simpanan Wajib

Simpanan wajib adalah sejumlah simpanan tertentu yang tidak ditetapkan jumlahnya untuk dibayar oleh ahli kepada BQ-BIMA dalam masa tertentu. Simpanan wajib tidak dapat diambil kembali selama dia masih menjadi ahli.

iii. Dana Keselamatan

Dana Keselamatan ialah sejumlah wang yang diperoleh daripada hasil usaha, yang dimasukkan untuk menjana modal sendiri dan untuk menutup kerugian koperasi apabila diperlukan. Dana keselamatan ini tidak boleh dibagikan kepada ahli walaupun BQ-BIMA Banda Aceh dibubarkan. Dana akan digunakan untuk membayar hutang-hutang, kerugian, agihan pembiayaan dan sebagainya.

iv. Hibah

Hibah adalah suatu pemberian atau hadiah dari seseorang semasa hidupnya. Hibah ini dapat berbentuk wasiat, jika pemberian tersebut diucapkan dan ditulis oleh seseorang

⁵¹ W.M. Chik (1990), *Bagaimana Mengendalikan Koperasi*, Cet. I, Shah Alam; Marwilis Publisher & Distributors SDN. BHD., h. 38.

⁵² Subandi (2009), Op.Cit., h. 82.

sebagai wasiat atau pesan atau kehendak terakhir sebelum meninggal dunia dan baru berlaku setelah dia meninggal dunia.⁵³

3.7.2 Pinjaman luar

Pengembangan usaha dalam memajukan BQ-BIMA Banda Aceh adalah dengan menggunakan modal pinjaman dari luar dengan memperhatikan kelayakan dan kelangsungan usahanya. Adapun modal pinjaman dapat berasal dari;

- 1) Anggota iaitu suatu pinjaman yang diperoleh dari anggota, termasuk calon anggota yang memenuhi syarat.

Seperti halnya koperasi, BQ-BIMA boleh meminjam dari ahli dan bukan ahli bagi membiayai perniagaannya sendiri tertakluk kepada beberapa syarat.

- 2) Baitul Qiradh atau sejenisnya (Koperasi Syariah dan BMT)
- 3) Bank dan institusi kewangan lainnya.

Pinjaman daripada Bank dan institusi lainnya perlu mengikuti ketentuan peraturan perundangan yang berlaku, jika tidak terdapat ketentuan khusus.

- 4) Penerbitan obligasi dan surat hutang lainnya
- 5) Sumber lain yang sah.

Sumber lain yang sah adalah pinjaman dari bukan anggota yang dilakukan tidak melalui penawaran secara hukum.⁵⁴

3.8 Aktiviti Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh dan Pelaksanaannya

Aktiviti BQ-BIMA dalam mencapai objektifnya sangatlah bergantung pada perencanaan, pelaksanaan, pengorganisasian dan pengawasan.⁵⁵ Untuk menyusun aktiviti haruslah menjaga keseimbangan antara objektif-objektif yang saling

⁵³ Ibid, h. 83.

⁵⁴ Ibid., h. 85.

⁵⁵ Muhammad Ridwan (2004), *Manajemen Baitul Maal Wa Tamwil*, Yogyakarta; UII Pres., h. 135.

bertentangan dengan mengadakan prioriti dalam aktivitinya bagi memudahkan hal tersebut.

Sesuai dengan fungsinya Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh aktiviti utamanya ialah menghimpun dan menyalurkan dana masyarakat dan bersifat mengambil keuntungan. Penghimpunan dana diperoleh melalui simpanan pihak ketiga dan pelaburan dilakukan dalam bentuk pembiayaan, yang dijalankan sesuai dengan prinsip syariah. Adapun aktiviti utama dalam operasinya secara garis besar ialah berupa bentuk simpanan masyarakat dan pembiayaan. Simpanan dan pembayaran yang merupakan pengelolaan kewangan yang dikembangkan oleh BQ-BIMA Banda Aceh berupa penghimpunan dana dan menyalurkannya melalui kegiatan pembiayaan dari dan untuk anggota atau non anggota.

Sesuai dengan peraturan perundang-undangan koperasi, untuk jenis kegiatan simpan pinjam, aktivitinya tidak boleh di campur dengan aktiviti yang lain yang dilakukan oleh koperasi. Ertinya, BQ-BIMA hendaklah merupakan entiti sendiri yang dipisahkan, jumlahnya telah ditentukan dan tidak boleh berkurang.

i. Penghimpunan Dana

Penghimpunan dana oleh BQ-BIMA Banda Aceh diperoleh melalui simpanan, iaitu dana yang dipercayakan oleh nasabah kepada Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri untuk disalurkan ke sektor produktif dalam bentuk pembiayaan. Simpanan ini dapat berbentuk tabungan *al-Wadī‘ah*, simpanan *al-Mudārabah* jangka panjang dan jangka pendek.⁵⁶

ii. Penyaluran Dana

Penyaluran dana kepada ahli terdiri atas dua jenis, *pertama* pembiayaan dengan sistem perkongsian untung dan rugi, dan *kedua*, jual beli dengan pembayaran ditangguhkan. Pembiayaan (agihan) kepada pihak ketiga berdasarkan penyaluran dana BQ-BIMA kepada pihak ketiga berdasarkan kesepakatan pembiayaan antara BQ-BIMA dengan

⁵⁶ Tuan Mufti Almahfudz, Manager Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Temubual pada 25 September 2010.

pihak lain dalam jangka waktu tertentu dan nisbah perkongsian untung dan rugi yang disepakati. Pembiayaan dibezakan menjadi pembiayaan *al-Mushārakah* dan *al-mudārabah*. Penyaluran dana dalam bentuk jual beli dengan pembayaran ditangguhkan adalah penjualan barang dari BQ-BIMA kepada ahli, dengan harga ditetapkan sebesar biaya perolehan barang ditambah margin keuntungan yang disepakati untuk keuntungan BQ-BIMA, bentuknya dapat berupa *Bay' bithaman ājil*. Pembayaran dilakukan secara ansuran, *al-Murābahah* dan dilakukan di akhir perjanjian.⁵⁷ Sesuai dengan peraturan perundang-undangan koperasi, untuk jenis kegiatan simpan pinjam, aktivitinya tidak boleh bercampur dengan aktiviti lainnya.

iii. Aktiviti dalam Sektor Usaha

BQ-BIMA Banda Aceh melakukan aktiviti sampingan dalam bentuk sektor usaha sebagai usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi ahlinya.⁵⁸ Aktiviti sektor usaha juga berbentuk penyaluran dana bersifat kekal atau jangka panjang dan juga bersifat unsur pemilikan di dalamnya. Penyaluran dana ini selanjutnya disebut pelaburan. Pelaburan yang dilakukan BQ-BIMA dapat dengan mendirikan usaha baru atau dengan masuk ke usaha yang sudah ada dengan cara membeli saham.

iv. Sektor Sosial

Yang berbentuk sektor sosial dalam aktiviti ini berupa pengelolaan zakat, derma dan sedekah, baik yang berasal dari derma mahupun yang hasilnya di himpun oleh BQ-BIMA. Sektor ini juga merupakan sesuatu yang membolehkan BQ-BIMA bertahan kerana ianya berperanan dalam bimbingan agama bagi para ahli. Oleh yang demikian, sektor jasa BQ-BIMA boleh memberi perkhidmatan yang tidak terhad hanya pada prinsip ekonomi, bahkan juga boleh digunakan dalam hal keagamaan.

⁵⁷ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

⁵⁸ *Ibid.*

v. Pelatihan dan Praktikal Kerja BQ-BIMA

Pembentukan minda⁵⁹ dan etika di kalangan anggota BQ-BIMA akan lebih mudah terbentuk apabila diberikan pendedahan tentang konsep Baitul Qiradh dan seumpamanya di peringkat awal.

Meningkatkan sumber insan yang merupakan daripada proses pengembangan minda menjadi manusia yang memiliki kemampuan untuk bekerja. Membangunkan usaha apa pun sudah semestinya harus mempunyai pengetahuan dan pengalaman, ini kerana untuk menjalankan pekerjaan yang baik pasti memerlukan manusia yang berkemampuan baik. Perancangan sumber insan sangat berhubung kait dengan perancangan pembangunan Baitul Qiradh untuk mencapai matlamat hasil yang baik.

Pelatihan dan praktikal pengurusan BQ-BIMA lazimnya mampu melahirkan pekerja yang lebih berkualiti, mahir dan efisien. Selanjutnya memberi impak yang positif kepada prestasi institusi. Dalam teori firma apabila sebuah syarikat kerja itu membuat pelaburan modal manusia kepada pekerjanya, apa yang diharapkan ialah supaya produktif pekerja meningkat dan menyumbang kepada keluaran yang lebih tinggi.⁶⁰

3.9 Prinsip Syariah Dalam Operasi Produk Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri

Banda Aceh

Islam merupakan agama yang lengkap mengandungi peraturan yang merangkumi keseluruhan hidup manusia. Selaku manusia merupakan makhluk sosial yang tidak dapat dipisahkan dengan individu yang lain, alam dan masyarakat keseluruhannya serta mempunyai tanggungjawab untuk tidak saling menzalimi dan menindas. Umat Islam perlu melindungi dan bertanggungjawab terhadap Muslim lainnya dan memberikan

⁵⁹ Ahmad Marzuki Ismail (2005: 146) manyebutkan minda merupakan kekuatan kepada etika setiap individu. Semakin banyak pengetahuan yang ditimba oleh seseorang, semakin mudah dilihat perubahan dari segi etika dan kebiasaan, ia bergerak yang lebih positif berbanding dengan sebelumnya.

⁶⁰ *Ibid.*, h. 146.

kebaikan kepada saudara Islamnya, seperti mana kebaikan yang diharapkan untuk dirinya.⁶¹ Islam telah menentukan bentuk dan prinsip dalam muamalat. Secara umum Islam telah menentukan bentuk-bentuk muamalat perdagangan atau perniagaan yang memenuhi syariat. Kontrak muamalat ini meliputi *al-mudārabah, al-Mushārakah, al-Murābahah, al-Bay' bithaman ājil, Bay' al-Salam, al-Ijārah, al-Wakālah, al-Qard al-Hasan, al-Rahn, al-Wadī'ah dan al-Kafālah.*

Selain dalam bentuk akad atau kontrak dalam bentuk skim atau produk juga terdapat perbezaan antara institusi-institusi kewangan Islam di seluruh dunia dalam menggambarkan istilah yang digunakan untuk jenis skim yang ditawarkan kepada ahli-ahli dalam institusi kewangan syariah di seluruh dunia. Secara garis besar dapat digariskan dalam operasi institusi syariah menggunakan empat kategori⁶² iaitu:

- 1) Berdasarkan perkongsian untung dan rugi.
- 2) Berdasarkan keuntungan atas perkhidmatan atau bayaran lain yang telah diterapkan jumlahnya.
- 3) Prinsip syariah dalam perkhidmatan yang diberikan tanpa bayaran.
- 4) Prinsip syariah yang ada kaitannya secara tidak langsung dengan sistem perbankan.⁶³

Di antara prinsip-prinsip yang digunakan secara menyeluruh oleh kebanyakan bank Islam ialah *al-mudārabah, al-Mushārakah, al-Murābahah, al-Ijārah, al-Ijārah wal iktīna, al-Qard al-Hasan, al-Rahn dan al-Wadī'ah*.⁶⁴ Selain itu, terdapat pula beberapa prinsip syariah lain yang hanya digunakan oleh bank – bank Islam di negara tertentu sahaja. Sebagai contoh di Malaysia Bank BIMB Sdn. Bhd mempunyai prinsip

⁶¹ Mohamed Ariff (1990), “Pembangunan Ekonomi Mengikut Perspektif Islam”, dalam Muhammad Syukri Salleh (ed), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaya, h. 22.

⁶² Sobri Salamon (2004), “Falsafah Ekonomi Bank Islam: Mengapa Malaysia Perlu Kepada Bank Islam”, dalam Muhammad Syukri Salleh (ed). *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 67.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ *Ibid.* h.68.

tambahan seperti *Bay‘ al-Dayn*, *al-Ijārah Thumma al-Bay‘, al-Wakālah*, *al-Bay‘ bithaman āji*, *al-Kafālah*, *al-Ujr* dan *al-Wadī‘ah yad Dāmanah*.⁶⁵

Kesemua prinsip syariah yang digunakan dalam pembiayaan institusi kewangan syariah adalah melalui produk-produk yang ditawarkan, yang mana dapat dikategorikan kepada 5 bentuk

i. Prinsip simpanan

Simpanan (*al-Wadī‘ah*) adalah amanah murni dari satu pihak ke pihak lain baik individu maupun badan hukum, yang harus dijaga dan dikembalikan bila-bila sahaja jika orang yang mengamanahkan mengehendaki barang yang diamanahkan tersebut.⁶⁶

Pengertian tersebut bermakna wujud pertalian amanah antara pemilik harta dengan orang yang menjaganya. Pada akhirnya harta itu apabila diminta kembali oleh pemiliknya maka harus dikembalikan sesuai dengan perjanjian yang telah disepakati pada awalnya.⁶⁷ Di dalam sistem perbankan Islam, *al-Wadī‘ah* adalah konsep di mana pelanggan meletakkan wang atau barang berharga lainnya untuk dijaga oleh bank. Bank kemudian menggunakan harta itu dan segala keuntungan dan risiko akibat penggunaan akan ditanggung oleh bank. Sedangkan ahli bebas untuk mengambilnya bila-bila sahaja. Adapun *al-Wadī‘ah yad Dāmanah* iaitu pengamanahan dengan jaminan. Kerana *al-Wadī‘ah* merupakan suatu amanah maka orang yang diamanahkan untuk menjaga harta tersebut bertindak sebagai penjamin.⁶⁸ Sebagai penjamin ia akan menjamin untuk membayar atau memulangkan semula wang yang disimpan oleh pelanggan. Akan tetapi ahli sebagai pelanggan tidak mendapat keuntungan dari simpanan yang dibuatnya itu.

ii. Perkongsian untung dan rugi

Perkongsian untung dan rugi dalam perbankan syariah dapat di golongkan dalam empat akad utama, iaitu *al-Mushārakah*, *al-Murābahah*, *al mudāraah* dan *al-musāqah*. Yang

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Muhammad Yasir Yusuf (2004), *Lembaga Perekonomian Umat, Bank Syariah dan Lembaga Kewangan syariah lainnya*, Cet.I, Banda Aceh; Ar-Raniry Press, h. 48.

⁶⁷ ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī (1990), *Kitāb al-Fiqh ‘Alā al-Mudhāhib Al-Arabi‘ah*, Beirut: Dār Al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j.3 h.219-220.

⁶⁸ Lihat Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *Islamic Banking Practice from the Practitioner’s Perspective*. Kuala Lumpur: BIMB.

lebih dominan dilaksanakan oleh institusi syariah berupa akad *al-Mushārakah* dan *al-Murābahah*, sedangkan *al mudāraah* dan *al-musāqah* dipergunakan khusus untuk *plantation financing* (pembiayaan pertanian).⁶⁹

iii. Prinsip jual beli

Prinsip jual beli (*Sale and Purchase*) secara umum yang meliputi berbagai-bagai transaksi disebut dengan *al-Bay'* boleh berupa langsung atau tangguh⁷⁰. Jual beli sudah semestinya memperoleh keuntungan daripadanya. Oleh itu, institusi Baitul Qiradah dalam amalan ini mestinya juga mengambil keuntungan. Cara yang dilakukan oleh institusi syariah dengan pemindahan harta tanah dan menentukan tingkat keuntungan institusi serta menjadi harga jual barang yang akan dijual. Ada tiga skim utama dalam jual beli ini, iaitu; *Bay' al-mudārabah*, *Bay' as-Salām*, *Bay' al-Istishnā'*⁷¹

iv. Prinsip sewa (*Operational Lease and Financial*)

Prinsip sewa ini disebut dengan *al-Ijārah*, *al-Ijārah* akad pemindahan hak pengguna atas barang-barang atau jasa, melalui pembayaran upah sewa tanpa diikuti dengan ke pemilikan (*ownership*) atas barang itu sendiri.⁷²

v. Prinsip perkhidmatan

Adapun prinsip perkhidmatan ini terbagi dua iaitu *al-Wakālah*, *al-Kafālah*, *al-Hiwalah* (*transfer service*), *al-Rahn* (*Mortgage*), *al-Qard* (*Soft and Benevolent Loan*).⁷³ Sesuai dengan prinsip asas yang termaktub dalam surat izin usaha BQ-BIMA di bawah Badan hukum No. 457/BH/KDK/1.9/II/2006 iaitu Koperasi. BQ-BIMA berasaskan Pancasila dan Undang-undang Dasar 1945 serta berasaskan kekeluargaan dan Syariat Islam. BQ-BIMA mengambil peluang ini untuk membangunkan perekonomian masyarakat Banda Aceh khususnya. Dalam amalannya prinsip syariah yang diperlakukan dalam operasinya khususnya dalam pembiayaan dan perniagaan sesuai dengan konsep syariah. Konsep ini

⁶⁹ *Ibid.*, h. 50.

⁷⁰ Lihat Muhammad Zulhelmi, *Op. Cit.*, h. 48; Lihat juga Muhammad Najib al-Muṣṭī (t.t), *Takmilah al-Thāniyyah Li al-Majmū'* *Syarh al-Muḥādhhab*, Juz 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 288-289.

⁷¹ Muhammad Yasir Yusuf (2004), *Op. Cit.*, h. 57

⁷² *Ibid.*, h. 62

⁷³ *Ibid.*, h. 65

sangat bersesuaian dengan keadaan masyarakat Islam di Aceh yang sedang melaksanakan syariat Islam. Prinsip tersebut di terapkan dalam amalan pembiayaannya yang berupa prinsip *al-mudārabah*, *al-Mushārakah*, *al-Murābahah*, *al-bay' bithaman ājil* dan *al-Ijārah*.⁷⁴

3.10 Pelbagai Institusi Berkaitan dengan Aktiviti BQ-BIMA Banda Aceh

BQ-BIMA Banda Aceh ialah institusi yang didirikan oleh Dompet Dhuafa Republika yang dikhurasukan untuk mengembangkan perekonomian masyarakat Aceh pasca tsunami.⁷⁵ Setelah dibentuk oleh Dompet Dhuafa Republika, BQ-BIMA diberi autonomi untuk mengelola sendiri dan membentuk kerjasama dengan yang lainnya.

BQ-BIMA mempunyai kebebasan untuk melakukan kerjasama dengan institusi yang lain dalam menjalankan aktivitinya untuk mencapai objektif yang dicita-citakan. Oleh itu BQ-BIMA Banda Aceh melakukan kerjasama dengan beberapa institusi dan institusi yang lain seperti; *Yayasan Lauser Internasional* (YTI), *Dinas Sosia-PIMBUK*, *Satker (satuan kerja) Koperasi* dan *UKM-BRR*, *Satker Industri* dan *Pertambangan – BRR*.

Manakala kerjasama dengan YTI berupa sokongan dana yang berupa pelaburan melalui YTI, Dinas Sosial dengan keizinan PIMBUK juga memberi dukungan dalam membentuk legalistik dan bantuan-bantuan dana pemerintah terhadap koperasi-koperasi dan usaha-usaha mikro baik syariah dan non-syariah yang ada di Aceh. Adapun dengan satker Koperasi – UKM dan Satker Industri – pertambangan BRR (Badan Rekontruksi dan Rehabilitasi Aceh-Nias) juga memberikan dana pinjaman terhadap BQ-BIMA untuk membantu masyarakat yang ditimpa Tsunami pada waktu itu.

⁷⁴ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

⁷⁵ *Ibid.*

3.11 Skim-skim Pada Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh

Skim syariah tersebut dibahagi ke dalam dua bahagian besar sesuai dengan fungsinya sebagai institusi yang menghubungkan masyarakat antara pihak yang kekurangan dana dengan pihak yang kelebihan dana. Skim yang pertama adalah skim pelaburan dana yang lazim dikenal dengan istilah pembiayaan, dan skim yang kedua adalah skim penghimpunan dana. Sejak awal tertubuhnya BQ-BIMA Banda Aceh pada tahun 2006 sampai sekarang telah menunjukkan perkembangan usaha yang cukup meningkat. Unit usaha yang telah ada dan dikembangkan hingga saat ini meliputi unit *jasa kewangan syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri*.

Unit Jasa Kewangan Syariah BQ-BIMA Banda Aceh berupa unit simpanan pinjaman yang telah berfungsi sejak tanggal 2 Januari 2006⁷⁶ dengan memperoleh modal dari anggota koperasi dan pihak ketiga yang memberikan suntikan dana untuk di agihkan kepada masyarakat yang memerlukan. Kegiatan pokok yang dilakukan berupa penghimpunan dana dari masyarakat, simpanan masyarakat dan pelaburan pinjaman yang berupa pembiayaan kepada masyarakat.

3.11.1 Skim Simpanan⁷⁷

Prinsip simpanan murni merupakan perkhidmatan yang diberikan oleh institusi untuk memberikan kesempatan kepada pihak yang mempunyai lebihan dana untuk menyimpan dananya dalam bentuk *al-Wadī'ah* (deposito). Perkhidmatan *al-Wadī'ah* biasanya diberikan untuk tujuan investasi pengguna mendapatkan keuntungan seperti halnya giro dan tabungan. Dalam dunia perbankan konvensional, *al-Wadī'ah* sama dengan giro.

Simpanan (*al-Wadī'ah*) adalah simpanan murni dari satu pihak ke pihak lain baik individu maupun badan hukum, yang harus dijaga dan dikembalikan bila-bila

⁷⁶ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

⁷⁷ *Ibid.*

masa sahaja jika penabung menghentikan barang yang simpan tersebut. Pada dasarnya penerima simpanan yang disebut *Yad al-Amanah* (tangan amanah) ertinya ia tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau keharusan yang terjadi pada aset simpanan selama hal ini bukan akibat dari kelalaian atau kecerobohan yang bersangkutan dalam memelihara barang yang disimpan (kerana faktor-faktor yang di luar batasan kemampuan).⁷⁸ Hal ini telah dikemukakan oleh Rasulullah dalam suatu hadis yang bermaksud sebagai berikut:

Jaminan pertanggungjawaban tidak diminta dari peminjaman yang tidak menyalahgunakan (pinjaman) dan penerima titipan yang tidak lalai

(Nail al-Authar 5/296)

Ini bererti wujud pertalian amanah antara pemilik harta dengan orang yang menjaganya. Kesudahannya harta itu apabila diminta oleh orang yang mempunyai harta tersebut, apabila ia tidak dapat dikembalikan, bererti penjaga harta tersebut telah mengingkari amanah yang telah dipercayai pada masa yang sama melakukan perbuatan pengkhianatan, perampasan dan ia harus bertanggungjawab atas tindakannya.

Dalam aktiviti institusi perekonomian moden penerima (pihak BQ-BIMA) simpanan tidak hanya menyimpan akan tetapi dipergunakan sebagai modal yang dijadikan dalam aktiviti tertentu. Untuk itu institusi kewangan meminta izin dari orang yang mengamanahkan hartanya menggunakan hartanya tersebut dengan syarat jaminan untuk mengembalikan aset tersebut secara utuh ketika mana pihak yang menyimpan menghendaknya.

Adapun skim penghimpunan dana terdiri dari beberapa skim simpanan, di antaranya adalah sebagai berikut :

⁷⁸ Muhammad (2000), *Sistem dan Operasional Bank Islam*, Yogyakarta: UUI Press, h. 8

i. Simpanan Bina Insan Mandiri

Simpanan Bina Insan Mandiri juga boleh disebut dengan simpanan Baiturrahman, Simpanan Bina Insan Mandiri adalah simpanan para anggota atau ahli yang bersifat simpanan (*al-Wadī'ah*) yang dapat ditabung setiap saat dan dapat ditarik bila-bila masa dengan hasil perkongsian untung dan rugi setiap bulannya sesuai dengan bahagian masing-masing dan tidak dikenakan pembiayaan pengurusan bulanan.⁷⁹

ii. Simpanan Pendidikan Ceria

Simpanan Pendidikan Ceria adalah simpanan ahli yang bersifat simpanan (*al-Wadī'ah*). Simpanan ini biasanya di ansur oleh ahli untuk keperluan pendidikan anaknya di masa yang akan datang. Dapat menyimpan bila-bila masa sahaja namun pengambilan hanya dapat dilakukan setiap semester, simpanan ini tidak dikenakan pembiayaan pengurusan bulanan dan akan mendapatkan perkongsian untung dan rugi setiap bulannya sesuai dengan bahagian yang dimilikinya.⁸⁰

iii. Simpanan Korban

Simpanan korban adalah simpanan ahli atau anggota yang bertujuan untuk melaksanakan korban pada Aidiladha, dapat diserahkan bila-bila masa sahaja dan boleh diambil satu bulan sebelum pelaksanaan korban. Simpanan ini juga mendapatkan faedah yang berupa hasil daripada keuntungan, sedangkan sistem untung dan rugi pada setiap bulannya tidak dikenakan pembiayaan pengurusan bulanan.⁸¹

iv. Simpanan Walimah

Simpanan Walimah adalah simpanan khusus bagi ahli yang memiliki rencana untuk melaksanakan pernikahan, mulai diserahkan minimum dua tahun sebelum acara

⁷⁹ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ *Ibid.*

tersebut dilaksanakan. Simpanan ini bersifat simpanan (*Wadi'ah*) yang tidak dikenakan pembiayaan pengurusan bulanan tetapi mendapatkan keuntungan dari sistem perkongsian untung dan rugi pada setiap bulan⁸²

v. Simpanan Fitrah

Simpanan ini berupa simpanan yang bersifat simpanan (*al-Wadi'ah*) yang tidak dikenakan pembiayaan pengurusan bulanan tetapi beroleh keuntungan dari sistem perkongsian untung dan rugi pada setiap bulan. Simpanan ini boleh diambil kembali pada saat bulan Ramadhan.⁸³

3.11.2 Skim Pembiayaan

Dalam menjalankan kegiatan usahanya, Institusi Kewangan Mikro Syariah BQ-BIMA menggunakan beberapa jenis pembiayaan atau pelaburan dengan berkhidmat kepada peminjam, rakan labur, dan pelanggannya. Jenis-jenis pembiayaan, pelaburan, khidmat ini masih terhad kerana masyarakat belum begitu mengenal perkhidmatan dengan sistem syariah. Oleh itu, BQ-BIMA perlu mengenal dan mensosialisasikan program-program Baitul Qirad terhadap masyarakat yang memerlukan perkhidmatan tersebut.

Bagi menjalankan aktiviti pembiayaan ini, pihak pengurusan BQ-BIMA perlu mahir dalam mensosialisasikan program-programnya untuk kebaikan masyarakat khasnya masyarakat Islam di Banda Aceh. Jika dipandang dari sudut jangka masa, institusi ini boleh melaburkan wangnya dalam bentuk jangka pendek dan jangka panjang. Bentuk pembiayaan ini akan disesuaikan dengan konsep syariah yang bersesuaian sehingga tidak terjadi kesalahan dalam melakukan kontrak. Adapun akad-akad syariah yang diamalkan dalam institusi BQ-BIMA Banda Aceh ialah *al-*

⁸² *Ibid.*

⁸³ *Ibid.*

*Murābahah, al-Mushārakah, al-Murābahah, al-bay' Bithaman ājil (BBA), Qard al-Hasan, dan al-Ijārah.*⁸⁴

i. Pembiayaan *al-Mudārabah*

Pembiayaan *al-Mudārabah* adalah suatu pembiayaan antara institusi dan ahli (nasabah), di mana institusi menyediakan dana untuk modal kerja, sedangkan si peminjam mengelola dana tersebut untuk pengembangan usahanya.⁸⁵ Pengelola mesti bertanggungjawab bila kerugian dalam *Mudārabah* yang diakibatkan oleh kecuaian si pengelola itu sendiri.⁸⁶

ii. Pembiayaan *al-Mushārakah*

Pembiayaan *al-Mushārakah* adalah pembiayaan antara institusi dan pelanggan yang dikelola secara bersama yang bersifat lebih daripada dua pihak,⁸⁷ di mana risiko dan keuntungan ditanggung bersama secara seimbang sesuai dengan kedudukan penyertaan.

al-Mushārakah merupakan akad kerjasama antara dua pihak atau lebih untuk usaha-usaha tertentu di mana dengan kesepakatan bahawa pihak memberikan kontribusi dana atau amal (*expertise*) dan sama-sama menanggung risiko.⁸⁸ Dalam hal ini berikutan kerjasama dalam memberikan modal, maka institusi juga berhak dilibatkan dalam proses pentadbiran. Modal yang dilabur adalah berupa *wang, property, equipment*, dan barang-barang lainnya yang dapat dinilai dengan wang seperti hak cipta.⁸⁹

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ Lihat Syukri Iska (2010), *Op. Cit.*, h. 103.

⁸⁷ Lihat Muhammad Uthman al- Syābir (1996), *al-Mua'amalat al-Mulīyah al-Mu'asirah Fīl-Fiqh al-Islami*, Amman: Dār al-Nafā'is, h. 300.

⁸⁸ Lihat Abu al-Walid Muhammad b. Ahmad Ibnu Rushd (t.t), *Bidayah al-Mūjtahid wa Nihayat al-Mūqtadī*. Dar al-Fikr, h. 253.

⁸⁹ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

iii. Pembiayaan *al-Murābahah*

Al-Murābahah adalah akad jual beli terhadap barang tertentu dengan menyebutkan harga jualnya bersama keuntungan daripada hasil penjualannya.⁹⁰ Jual beli *Murābahah* berbeza dengan *musāwwamah* atau tawar menawar, akad ini mengikut pada harga asal daripada barang yang akan dijual.⁹¹ Pembiayaan *al-Murābahah*⁹² pada dasarnya merupakan kesepakatan antara institusi sebagai pemberi modal dan ahli sebagai peminjam. Prinsip yang digunakan adalah sama dengan pembiayaan *al-bay' bithaman ājil*, namun proses pengembaliannya dibayar pada saat habis tempoh secara tunai. Namun demikian dokumen pembelian tetap dipegang oleh institusi sebelum pembelian dilunaskan, hal inilah yang membezakan antara pembiayaan.⁹³ Akad *al-Murābahah* cenderung lebih banyak diamalkan oleh institusi-institusi kewangan syariah kerana produk ini tidak mempunyai sebarang risiko, di samping memberikan keuntungan yang tetap (*fixed income*) kepada institusi daripada margin keuntungan kontrak *al-Murābahah* yang telah disepakati.⁹⁴ Kemudahan penerapan *al-Murābahah* di institusi syariah merupakan peluang yang sangat baik untuk mengembangkan institusi syariah baik perbankan mahupun institusi kewangan mikro syariah, tetapi sangat diharapkan untuk institusi kewangan syariah boleh mengembangkan akad-akad yang lain sebagai amalan. Jika institusi kewangan syariah hanya tertumpu pada akad ini sahaja dikhuatiri akan mengalami kemunduran pada masa hadapan.⁹⁵

⁹⁰ Muhammad Zulhelmi, *Op. Cit.*, h. 48; Lihat Sayyid Sābiq (t.t), *Fiqh Sunnah*, Juz.11, Beirut: Dār al-Fikr, h. 262 – 263.

⁹¹ Muhammad Zulhelmi, *Op. Cit.*, h. 48; Lihat Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Rusyd (1988), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, Vol. II Beirut: Darul Qalam, h. 216 ; Muhammad Syafi'e Antonio (2001), *Bank Syariah: Dari Tiori ke Praktik*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 101; Idem (2000), *Bank Syariah: Suatu Pengenalan Umum*. Edisi Khusus, Jakarta: Tazkia Institut, h. 145.

⁹² Mustafa Ahmad al-Zarqa' (1968), *al-Madkhal al-Fiqhi al-Ām*, Juz. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 377.

⁹³ Profil Lembaga Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, *Op. Cit.*

⁹⁴ Lihat Nor Kholis, *Op. Cit.*, h. 10 dan Lihat Abdullah Saeed (2004), "Islamic Banking and Finance, In Search of a Progmatc Model" dalam Varginia Hooker et al. (eds), *Islamic Perspectives on The New Millennium*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, hh. 120-123.

⁹⁵ Lihat Muhammad Nejatullah Siddiqi (2004), Islamic Bank: Concept, Precept and Prospect", *Review of Islamic Economic*, No 9, h. 21-35. Dan Lihat Fuad Abdullah Omar and Munawar Iqbal (2000), "Some Strategic Suggestions for Islamic Banking in the 21st Century", *Review of Islamic Economics*, No. 9, h. 37-56.

iv. Pembiayaan *al-Bay' Bithaman Ājil*

Pembiayaan *al-Bay' Bithaman Ājil* adalah suatu perjanjian pembiayaan yang disepakati antara institusi dengan ahli di mana institusi menyediakan dananya untuk sebuah infestasi atau pembelian barang modal dan usaha anggotanya. Proses pembayarannya dilakukan secara mencicil atau ansuran, setelah ahli penerima barang mampu memperlihatkan hasil usahanya. Jumlah yang harus dikembalikan oleh peminjam adalah jumlah atas harga barang modal ditambah *mark-up* yang disepakati.⁹⁶

v. Pembiayaan *Salam*

Salam atau *Bay' al-Salam* iaitu jurujual menjual barang dengan kriteria tertentu (yang masih wujud) dalam tanggungan dengan membayarkan secepat mungkin.⁹⁷ Jelasnya Salam ialah pembiayaan yang diaplikasikan dalam bentuk jangka pendek dan dikhususkan untuk produk pertanian dan industri, yang mengharuskan diketahuinya jenis, macam, ukuran dan jumlah secara jelas. Sedangkan harga jual yang disepakati harus dicantumkan dalam akad dan tidak boleh berubah selama berlakunya akad.

vi. Pembiayaan *Bay' Tijarah* atau pembiayaan dengan sewa beli

Pembiayaan *Bay' Tijarah*⁹⁸ atau adalah akad sewa menyewa ataupun barang antara institusi dengan ahli, di mana ahli diberi kesempatan untuk membeli objek sewa pada akhir akad. Harga sewa dan harga beli ditetapkan bersama di awal perjanjian. Dalam pembiayaan ini diisyaratkan harus barang yang bermanfaat dan dibenarkan oleh syariat dan nilai dari manfaat dapat diperhitungkan atau diukur⁹⁹

⁹⁶ Peofil Lembaga Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, *Op. Cit.*

⁹⁷ Lihat Sayyid Sabiq (1971), *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, j. 3, h.121.

⁹⁸ Syukri Iskan (2010), *Op. Cit.*, h. 127 dan lihat Thariqullah Khan & Habib Ahmed (2007), *Risk Management, An Analysis of Issues in Islamic Financial Industry*, Jeddah: Islamic Research and Training Institute, h. 54-56.

⁹⁹ Peofil Lembaga Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, *Op. Cit.*

vii. Pembiayaan *al-Wakālah*

Mekanisme produk *al-Wakālah* adalah ahli memberikan kuasa kepada institusi untuk mewakili dirinya melakukan pembelian barang atau jasa. Atas jasa tersebut institusi memperoleh imbalan berupa keuntungan sesuai hasil kesepakatan bersama.¹⁰⁰

viii. Pembiayaan *Al Ijarah*

Al Ijarah merupakan pemberian dana sepenuhnya kepada ahli dalam rangka untuk mengadakan barang ditambah dengan keuntungan yang disepakati dengan sistem sewa tanpa diakhiri dengan pemilikan. *Ijarah* merupakan kontrak sewa dan juga penamatan kontrak.¹⁰¹ Pembiayaan ini sama dengan pembiayaan *leasing*. Institusi sebagai penyewa memberikan kesempatan kepada ahli untuk memperoleh manfaat dari barang yang disewa dengan jangka waktu tertentu, dengan kesepakatan ahli akan membayarkan sejumlah wang pada waktu yang telah disepakati bersama. Apabila jangka waktu telah berakhir barang tetap menjadi milik institusi.¹⁰²

ix. Pembiayaan *al-Bay' Bithaman ājil*

Pembiayaan *al-Bay' Bithaman ājil* adalah produk yang merupakan pinjaman lunak bagi pengusaha kecil yang benar-benar kekurangan modal. Dalam produk ini ahli hanya mengembalikan pokok pinjaman pada waktu tamat tempoh dengan nilai beli yang sama seperti waktu meminjam. Di samping itu keuntungan yang diperoleh tidak dikongsi dengan institusi. Pada produk ini ahli hanya dibebani untuk membayar pembiayaan pengurusan yang merupakan pembiayaan riel yang tidak dapat dihindari.¹⁰³

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ Lihat Muhammad Zulhelmi, h. 73; Lihat juga Sudin Haron (1996), *Islamic Banking: Rules & Regulation*, Kuala Lumpur: Penduduk Publication, h.77.

¹⁰² Peofil Lembaga Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, *Op. Cit.*

¹⁰³ *Ibid.*

3.12. Operasi Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh

3.12.1 Konsep Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat di BQ-BIMA

Konsep program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam pelaksanaanya iaitu¹⁰⁴:

- 1) Pembiayaan modal dilaburkan dalam bentuk usaha produktif yang boleh menghasilkan pendapatan.
- 2) BQ-BIMA Banda Aceh akan membimbing setiap pelanggan yang terhimpun dalam program pembangunan ekonomi untuk mencapai keberhasilan.
- 3) Peruntukan program untuk individu dan kelompok (*base on commudity*).
- 4) Setiap pelanggan diharapkan dapat mengembangkan usaha kedalam sektor lain yang masih berhubungkait dengan usaha yang ada.
- 5) Setiap usaha pelanggan diharapkan mampu membuka lapangan usaha baru bagi masyarakat disekitar wilayah program.

3.12.2 Matlamat Pembangunan Ekonomi Masyarakat di BQ-BIMA

Mencapai matlamat dalam membangun perekonomian masyarakat memerlukan peralatan yang tepat sehingga boleh dilaksanakan dengan mudah dan menepati sasaran. Pelbagai cara telah dilakukan oleh pemerintah dalam memulihkan perekonomian masyarakat Aceh, tetapi hingga sekarang belum ada yang dianggap sesuai untuk dijadikan pedoman dan mendapat hasil yang boleh membuat masyarakat keluar dari pada kemiskinan. Hinggakan masyarakat miskin masih banyak di Banda Aceh dan sekitarnya. Perjalanan proses program-program tersebut secara umum yang ingin dicapai secara umum, ialah:

¹⁰⁴ Project Program Pemberdayaan Ekonomi dan Usaha Masyarakat Produktif. Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh.2009.

- i. Pembangunan projek ekonomi yang boleh meningkatkan pendapatan kepada kumpulan umur yang bekerja.
- ii. Pembangunan insan untuk semua lapisan umur yang boleh melahirkan segolongan dasar yang berkeyakinan diri, berdaya usaha dan berilmu.
- iii. Latihan kemahiran dan perkembangan ilmu dan teknologi.
- iv. Pakej pendidikan yang boleh mendorong pembelajaran dan perkembangan minda yang sihat untuk anak dalam persekolahan.¹⁰⁵

Acuan matlamat tersebut akan dapat dicapai apabila dilaksanakan dengan program-program khas seperti program pembangunan ekonomi masyarakat. Antara program khas pembangunan ekonomi masyarakat yang disediakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh adalah berupa kegiatan pembiayaan terhadap usaha keluarga (*home industry*) dan peniaga sama ada kecil dan peniaga sedang berkembang perusahaannya. Aktiviti ini yang merupakan bentuk pembangunan ekonomi masyarakat yang telah dicadangkan haruslah menepati sasaran dan memenuhi matlamat yang ingin dicapai. Usaha yang ingin diwujudkan oleh BQ-BIMA Banda Aceh meliputi tiga aspek iaitu;

- i. Menciptakan suasana atau iklim yang memungkinkan potensi masyarakat berkembang (*enabling*). Motonya adalah setiap manusia dan masyarakat memiliki potensi yang dapat dikembangkan dengan mendorong, memotivasi dan membangkitkan kesedaran untuk membangun daya dan kemahiran yang dimiliki. Dengan mewujudkan masyarakat berkembang secara perlahan program pembangunan ekonomi ini akan menjadikan masyarakat tidak bergantung selamanya pada institusi-institusi mikro yang memberikan pembiayaan. Matlamatnya adalah masyarakat akan memperoleh pencapaian secara mandiri dan

¹⁰⁵ Zakiyah Jamaluddin (2005), *Kemiskinan dan Program Pembangunan Masyarakat : Pembangunan Implikasi Sosial dan Fizikal*, Sintok; Universiti Utara Malaysia, h.47.

membangunkan kemampuan yang berkesinambungan dalam memenuhi keperluan ekonominya.¹⁰⁶

- ii. Memperkuuhkan potensi atau daya usaha yang dimiliki oleh masyarakat (*empowering*). Pembangunan ekonomi masyarakat ini meliputi pekerjaan utama yang mempunyai kesan terhadap taraf pendidikan dan tahap kesihatan, serta peningkatan taraf ekonomi dalam bentuk peningkatan modal, berteknologi dan menambah peluang pekerjaan. Untuk mencapai matlamat ini perlu langkah-langkah yang nyata dan saranan-saranan atau cadangan-cadangan yang membina (*input*), serta membuka akses pelbagai peluang (*opportunities*) yang akan membuat masyarakat semakin terbina dan berkemampuan.¹⁰⁷
- iii. Program pembangunan ekonomi yang bersifat melindungi (*protection*), membiayai dan mendampingi. Melindungi bererti harus ada usaha untuk mencegah terjadinya kerugian, patah semangat, persaingan yang tidak seimbang¹⁰⁸ dan bahkan mengubah sifat yang tidak jujur menjadi jujur.

3.12.3 Prinsip Operasi Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Prinsip program pembangunan ekonomi Masyarakat dan BQ-BIMA Banda Aceh telah mengamalkan prinsip syariah. Untuk diaplikasikan dalam program ini adalah dengan melaksanakan ajaran Islam, ada lima prinsip iaitu:

- i. Prinsip tolong-menolong (*taāwun*)

Tolong-menolong sangat dianjurkan dalam Islam dan akan dibalas dengan kebajikan oleh Allah SWT. Saling tolong menolong merupakan tabiat manusia sehingga Islam memandang bahawa manusia lebih cenderung untuk menjadi insan yang baik

¹⁰⁶ Muslim Nasution (2000), “Pemberdayaan Ekonomi Rakyat Dalam Konteks Pembangunan Nasional”, Makalah pada Rakernas I PINBUK se-Indonesia, dalam *Paradigma Baru Ekonomi Kerakyatan Sestem Syari’ah Perjalanan Gagasan dan Gerakan BMT di Indonesia (Baitul Maal wat Tamwil)*, Cet. I, Kalibat; PINBUK, h. 76.

¹⁰⁷ Ginandjar Kartasasmita (1996), “Pemberdayaan Ekonomi Rakyat Melalui Kemitraan Guna Mewujudkan Ekonomi Nasional Yang Tangguh dan Mandiri”, Seminar Nasional: Lembaga Pembinaan Pengusaha Kecil Menengah dan Koperasi (LP2KMK-GOLKAR), Jakarta: 7 November 1996. h. 3

¹⁰⁸ *Ibid.*

berbanding dengan insan yang jahat.¹⁰⁹ Islam juga bukan agama individu dan bukan agama *membolot* harta untuk peribadi dan keluarga sendiri sahaja. Islam adalah agama masyarakat dan segala harta yang dimiliki bukanlah mutlak sebagai harta peribadi.¹¹⁰ Hal ini sesuai dengan anjuran Allah SWT yang bermaksud.

“Dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran”

(Surah Al-Ma’idah: 2)

ii. Prinsip Perniagaan (*al-Tijārah*)

Prinsip *al-Tijārah* merupakan prinsip mencari keuntungan dengan cara yang dibenarkan oleh syariah.¹¹¹ Sikap *profesional* merupakan harapan dari institusi ini untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang mencari keuntungan secara halal. Sistem yang digunakan dalam prinsip perniagaan adalah dengan mempraktikkan perkongsian untung dan rugi melalui metode, kaedah, dan cara yang selari dengan rangka kerja ekonomi Islam yang bebas daripada amalan bunga dalam sistem urusan bank dan kewangan Islam.¹¹²

Perkongsian untung dan rugi dalam satu rangkaian peranan modal dan ke usahawan, tidak dianggap faktor terpisah dan mempunyai asas yang berbeza dari segi pulangannya dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Sebaliknya kedua-dua faktor itu mempunyai asas yang seragam dalam kes pulangan tersebut. Islam menganggap modal ialah sebagai faktor buruh yang tersimpan di dalamnya suatu barang dan digunakan dalam proses pengeluaran barang. Pulangan bagi modal adalah dalam bentuk keuntungan atau sewa mengikut jenis modal. Usahawan ialah tenaga manusia yang

¹⁰⁹ Aidit Ghazali (1990), *Development An Islamic Perspective*, Petaling Jaya : Pelanduk Publications, h. 63.

¹¹⁰ Jaafar Salleh (2001), *Pandangan Ahli Korporat, Ekonomi dan Perniagaan Secara Islam*, Kuala Lumpur; Al-Hidayah Publishers, h. 22

¹¹¹ Muhammad Ridwan, (2004), *Manajemen Baitul Maal Wa Tamwil*, Yogyakarta; UII Pres, h. 116

¹¹² Joni Tamkin bin Borhan (2005), *Teori dan Aplikasi Kontemporal Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Cet. I, Kuala Lumpur; Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 51

mengolah, mengurus, mentadbir, dan memiliki faktor pengeluaran lain seperti tanah, modal, dan buruh dalam aktiviti pengeluaran.¹¹³

iii. Prinsip Menghindari *Iktinaz* (penimbunan wang)

Ekonomi Islam melarang menahan atau menyimpan dan tidak dimanfaatkan, serta tidak memberikan manfaat kepada masyarakat umum.¹¹⁴ Islam menuntut supaya tabungan digunakan secara produktif bagi mencapai matlamat sosioekonomi Islam. Kerana disedari setiap penabung tidak mungkin dapat menggunakan wangnya secara produktif.¹¹⁵ Oleh kerana itu BQ-BIMA Banda Aceh mencuba mencari ahli-ahlinya untuk menabung wang di institusi ini. Usaha mencegah terjadinya penimbunan wang pada masyarakat yang khasnya masyarakat yang sangat meyakini bahawa bunga adalah riba. Institusi kewangan ini mencuba mengambil tugas masyarakat bagi memobilisasikan tabungan yang terbiar serta dengan cara yang berkesan dapat disalurkan untuk kegunaan-kegunaan yang produktif, maka tindakan-tindakan yang sedemikian itu bersesuaian dengan Islam.¹¹⁶

iv. Prinsip pelarangan riba

Sebagai institusi syariah sudah tentu ia dapat menghindarkan setiap transaksi ekonomi dan perniagaannya dari unsur riba dan mengantikannya melalui kaedah kerjasama dengan berkongsi untung dan rugi dan sistem jual beli (*al-Bay'*).

v. Prinsip memperbanyak zakat.

Selain institusi perniagaan, institusi ini juga menjalankan fungsinya sebagai institusi sosial. Dalam program ini BQ-BIMA Banda Aceh mewajibkan zakat kepada ahli yang terlibat dalam program pembangunan ekonomi masyarakat. Tambahan pula, BQ-BIMA Banda Aceh juga sememangnya berfungsi sebagai amil zakat.¹¹⁷

¹¹³ Muhammad Ridwan (2004), *Op. Cit.*, h. 53

¹¹⁴ Muhammad Ridwan (2004), *Op. Cit.*, h. 116

¹¹⁵ M. Umer Chapra (1990), *Kearah Sestem Kewangan Yang Adil*, Ismail bin Omar, Cet. I, Kuala Lumpur; Percetakan Maziza Sdn Bhd, h. 30

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

3.12.4 Akad-akad Dalam Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Institusi kewangan BQ-BIMA Banda Aceh dalam program pembangunan ekonomi masyarakat juga menggunakan akad-akad yang dilakukan secara umum dalam institusi. Akad-akad ini merupakan akad pembiayaan dan akan disesuaikan dengan usaha yang dimiliki oleh calon anggota pembangunan ekonomi masyarakat.

Seperti akad yang sudah dijelaskan pada bab dua jenis akad ini merupakan akad yang akan dipraktikkan pada pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat dan juga mempunyai kesamaan dengan akad aktiviti sehari-hari. Akad-akad yang akan dilaksanakan di antaranya ialah *al-mudārabah*, *al-Mushārakah*, *al-Murābahah*, *al-bay'* *bithaman ājil* (BBA), *al-Qard al-Hasan*, dan *al-Ijārah*.¹¹⁸

3.12.5 Modus Operandi Pembiayaan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat tidak seta-merta pelanggan dapat terlibat. Keterlibatannya di ikat dengan kontrak, ikatan ini perlu untuk membuat komitmen bersama dalam pebiayaan hingkakan boleh mencapai matlamat dari program yang dimaksud. Komitmen yang akan dibagun ialah komitmen mengikut prosedur dan tempoh masa pembiayaan mengikut kesepakatan. Proses kontrak tersebut perlu dipilih oleh BQ-BIMA Banda Aceh dengan prosedur yang telah ditetapkan. Proses pemilihan adalah bentuk penyelesaian yang akan dilaksanakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh untuk memilih siapa yang lebih berhak dilibatkan untuk menjadi pelanggan. Kerana pembiayaan yang diberikan dalam program pembangunan ekonomi masyarakat BQ-BIMA Banda Aceh mengandungi risiko yang sangat besar. Sehingga dalam melaksanakannya pihak BQ-BIMA Banda Aceh sangat berhati-hati untuk mengurangkan risiko.

¹¹⁸ Pengertian tentang akad-akad ini telah dijelaskan pada bab ke dua.

3.12.6 Prosedur Pembiayaan

Untuk itu BQ-BIMA Banda Aceh merealisasikan pembiayaan kepada ahli dan menetapkan prosedur pembiayaan yang sesuai dengan ketentuan UU Perbankan Syariah No. 21 Tahun 2008.

Prosedur pemberian pembiayaan pada umumnya dimulai dengan adanya permohonan yang diajukan oleh calon penerima pembiayaan pembangunan ekonomi masyarakat dari pihak Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Penjaringan ini akan mudah dilakukan dengan menggunakan enam (6) teknik untuk merancang suatu akad pembiayaan syariah¹¹⁹ iaitu:

- i. Mengetahui maklumat tentang calon penerima pembiayaan.
Bagi mengetahui tentang keperibadian ahli sebagai calon penerima pembiayaan perlu pengamatan dan menghimpun maklumat daripada kerabat, saudara mara, jiran dan daripada kepala lingkungan atau kepala kampung.
- ii. Mengetahui kemampuan para ahli (*Capacity*)
Paling utama yang harus diketahui adalah kemampuan para ahli yang mendapatkan agihan dalam menjalankan proses operasi perusahaan dan bermiaga bagi menghindari kerugian dan boleh mendapatkan keuntungan seperti mana yang diharapkan. Dengan adanya keuntungan maka risiko terjadi terlambat dalam pembayaran modal semakin kecil.
- iii. Modal (*Capital*)
BQ-BIMA Banda Aceh akan melihat modal yang dipunyai oleh calon ahli penerima pembiayaan dengan cara melihat laporan kewangan yang dimiliki calon penerima pembiayaan tersebut. Kegunaannya ialah untuk melihat keadaan kewangan masa lalu apakah berjalan dengan baik dan rancangan kewangan yang diperlukan pada masa hadapan. Pemantauan ini diperlukan untuk melihat keadaan kewangan calon ahli yang

¹¹⁹ Tuan Mufti Almahfudz, Manager Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Temubual pada 25 September 2010.

akan diberikan pembiayaan bagi mengurangi risiko yang akan terjadi kepada BQ-BIMA.

iv. Keadaan Ekonomi (*Economic Condition*)

Majunya pekerjaan yang akan dikembangkan tidak akan terlepas daripada keadaan tempatan sama ada berpeluang untuk berkembang atau tidak. BQ-BIMA Banda Aceh dalam masalah ini harus melihat peluang boleh berkembang usaha yang akan dibuat oleh ahli yang akan diberikan pembiayaan. Penilaian ini perlu untuk menghindari kegagalan usaha para ahli yang akan penerima pembiayaan.

v. Jaminan (*Collateral*)

Jaminan merupakan harta benda yang dimiliki oleh ahli sebagai calon penerima pembiayaan. Jaminan boleh juga berupa orang iaitu orang yang menjamin terhadap risiko kecurangan calon ahli pembiayaan. Walaupun demikian jaminan tersebut hanya akan tetapkan bagi orang yang diragukan setelah dilakukan pemantauan dengan tatacara di atas.

vi. Penerapan akad yang tepat.

Bersesuaian dengan prinsip BQ-BIMA Banda Aceh penerapan transaksi tidak boleh bertentangan dengan syariah Islam, baik dilarang kerana haram selain zatnya yakni mengandung *tadlis*, *ikhtikar*, *bai najisy*, *gharar* dan *riba*, sama ada tidak sah akadnya, yakni rukun dan syarat yang tidak terpenuhi, terjadi *tāalluq*, serta terjadi dua akad dalam satu transaksi secara bersama.

3.12.7 Tempoh Masa Pembiayaan

Setiap pembiayaan pasti ada tempoh masa, tempoh masa ini harus bersesuaian dengan usaha dan akad yang disebakati. Tempoh masa yang dijangkakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh berkisar antar 3 (tiga) bulan sampai 3 (tiga) tahun. Tempoh ini akan ditentukan sesuai usaha yang di laksanakan oleh pelanggan.¹²⁰ Bersesuaian dengan usaha dan akad maka juga akan ditentukan tempoh pengembalian dalam program pembangunan ekonomi secara purata pengembalian ditentukan bulanan.

¹²⁰ Tuan Mufti Almahfudz, Manager Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Temubual pada 25 September 2010.

3.12.8 Jenis Program-Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Sesuai dengan program pembangunan ekonomi masyarakat yang akan dilaksanakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh, program ini akan dibantu usahawan-usahawan menengah dan kecil dengan memberikan pinjaman dan pendampingan. Kerana program ini dilaksanakan di Banda Aceh dan Aceh Besar yang majoriti penduduknya bekerja sebagai pedagang dan perusahaan keluarga, maka programnya lebih banyak disalurkan ke sektor perusahaan keluarga dan perdagangan.

i. Pembiayaan Perusahaan Keluarga

Pembiayaan perusahaan keluarga (home industry) atau usaha rumah tangga ialah usaha yang dikerjakan sendiri dan boleh menggunakan orang lain sebagai pembantu yang mendiami suatu tempat dan hasil usahanya lebih banyak untuk memenuhi keluarga. Ciri-ciri perusahaan keluarga adalah perusahaannya berasaskan rumah, berbentuk kecil-kecilan, anggota di bawah seratus, modal kecil daripada Rp 1,000,000.- hingga Rp. 50,000,000.- dan pentadbiran yang tidak profesional.¹²¹

Keberhasilan sesuatu pekerjaan sangat bergantung daripada pengelolaan yang dipengaruhi oleh sumber daya yang dimiliki¹²² iaitu manusia, material, mesin (fasiliti), wang dan informasi. Untuk mendapatkan kemudahan ini sangat diperlukan pembinaan dan motivasi daripada pemerintah dan institusi-institusi yang mempunyai kaitannya dengan sektor pertumbuhan perekonomian masyarakat awam. Kemahiran dan keprihatinan dalam melihat peluang untuk mengembangkan manusia agar menjadi manusia yang produktif.

Menciptakan manusia yang produktif ini sangat perlu, ini disebabkan untuk menciptakan kestabilan ekonomi di suatu daerah. Setiap lingkungan terdapat modal yang berpotensi untuk memajukan keluarga dalam perusahaan produk yang bermanfaat

¹²¹ Pedoman Umum Pelaksana Lapangan Survei Khusus Tabungan dan Investasi Rumah Tangga 1994 (SKTIR)/ Biro Pusat Statistik, BPS Jakarta Indonesia, Jakarta: Juni 1994 Biro Neraca Konsumsi dan Akumulasi Biro Pusat Statistik.

¹²² Sutarno (1990), *Pengelolaan Usaha*, Jakarta: Kanisius Yogyakarta. Tjipton, h. 9.

bagi diri sendiri mahupun orang ramai. Membangun perekonomian dengan membuat kerja sendiri dan berdikari akan berpeluang untuk membangun perekonomian dirinya dan keluarganya. Sifat berdikari akan menghindari dari ketergantungan diri pada mengharapkan upahan dengan bekerja pada orang lain. Pekerjaan yang bersifat hanya mendapatkan upah akan memberikan pendapatan ekonomi yang terhad dan sulit untuk berkembang.¹²³ Ramai orang tidak mengambil kira tentang usaha menambah penghasilan dengan jalan membangunkan suatu usaha produktif di lingkungan keluarga bahkan lebih banyak memilih jalan menjadi buruh seumur hidup. Oleh itu sudah sepatutnya untuk mengubah keluarga menjadi produktif dengan mengembangkan pelbagai usaha keluarga.¹²⁴

Oleh itu, BQ-BIMA Banda Aceh mencuba mengambil peluang ini untuk dikembangkan. Usaha pengembangan masyarakat ini diharapkan kemudiannya akan memotivasi masyarakat untuk berdaya produktif yang boleh menghasilkan sehingga memberi dampak terhadap peningkatan ekonomi. Pengembangan untuk mewujudkan pembangunan ekonomi masyarakat ini akan dicadangkan dengan pemberian agihan modal terhadap usaha-usaha yang sedang dijalankan dan yang belum dilaksanakan. Bagi usaha yang belum ada tentunya BQ-BIMA Banda Aceh akan menilai lebih selektif bagi menghindari terjadinya tertangguh dan terbengkalai. Pinjaman agihan modal ini akan disesuaikan dengan akad-akad yang sesuai dengan usaha masing-masing, setelah dinilai oleh BQ-BIMA Banda Aceh dan disepakati oleh kedua belah pihak.

ii. Pembiayaan Usaha Perniagaan

Menjalankan program pembangunan ekonomi masyarakat khususnya di Banda Aceh perniagaan merupakan peluang besar yang perlu di ambil. Dari hasil temu bual dengan Pimpinan BQ-BIMA Banda Aceh, beliau sangat memfokuskan untuk perdagangan atau perniagaan dalam perusahaan ini. Perniagaan yang diperuntukkan atau yang diagihkan

¹²³ Mustofa Yani JP (1996), *Teknik Wira Swasta dalam Keluarga*, Cet. I, Jakarta; PT Rineka Cipta, h. 124

¹²⁴ *Ibid.*, h. 125

merupakan perniagaan dari yang paling kecil sampai kepada yang sudah berjaya asal tetap boleh bekerjasama dengan baik.¹²⁵

Untuk peniaga yang sudah maju atau berjaya dana akan diperuntukkan lebih besar dan dengan harapan akan menjadi sokongan kepada peniaga-peniaga kecil. Strategi ini dijalankan bagi memperkuatkan jaringan untuk mendapatkan barang dan boleh dikelola oleh BQ-BIMA Banda Aceh. Sebagai contoh peniaga runcit sehari atau runcit yang besar boleh menyediakan barang untuk para pedagang kios yang merupakan peniaga kecil.¹²⁶

Pembelaian untuk peniaga kecil ialah pembelaian yang disalurkan bagi pengusaha peniaga yang mempunyai modal rendah dan mempunyai kekurangan untuk bersaing dengan pengusaha dalam skala besar. Peniaga kecil sering dihadapkan dengan masalah-masalah yang meliputi modal permulaan, bekalan, dan kemampuan pentadbiran yang baik.¹²⁷ Menyedari hal ini suatu pembelaian yang mesti dibimbing oleh BQ-BIMA Banda Aceh mestilah mempunyai matlamat untuk meningkatkan kemandirian masyarakat kecil. Institusi ini yang merupakan institusi kewangan mikro syariah yang sememangnya mempunyai objektif terhadap masyarakat kecil untuk dikembangkan menjadi usaha-usaha yang mandiri.

Seperti yang diterapkan di negara-negara yang lain, bahawa institusi yang sejenis dengan koperasi mempunyai usaha yang kuat untuk membangun negara dengan membahagi perkembangan dan sistem yang boleh memudahkan masyarakatnya untuk berjaya dengan perusahaan mereka. Pengalaman-pengalaman di negara seperti Itali, Denmark, Chile dan India menunjukkan bahawa mereka mempunyai cadangan kerja (*work plan*) yang matang dalam pengembangan masyarakat kecil dalam mengembangkan jaringan UKM (Usaha Kecil Menengah) dengan pelbagai rancangan,

¹²⁵ Tuan Mufti Almahfudz, Manager Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Temubual pada 25 September 2010.

¹²⁶ Pedagang kios adalah pedagang kecil yang menyediakan barang seperti rokok, gula-gula, kek-kek ringan, keropok bahkan ada yang menjual minyak enceran. Perniagaan ini biasa terletak di pinggiran-pinggiran jalan atau di samping rokok.

¹²⁷ Ismail Rejab, dkk (1981), "Struktur dan Masalah-Masalah Niaga Runcit", *Forum Pembangunan*, Vol. 9, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. h. 36.

di antaranya ialah menyediakan bantuan subsidi yang efisien untuk membantu dalam pembiayaan awal untuk membangun perniagaannya, dan juga membantu konsultasi dalam teknik pelaksanaan bagi setiap usaha yang akan di jalankan.¹²⁸ Peniaga kecil merupakan peniaga yang mempunyai kegiatan usaha menjual barang kepada konsumen yang akan menggunakan barang yang dibeli.¹²⁹ Pedagang ini yang langsung menjual barang kepada pembeli untuk di konsumsi.

Menyedari bahawa perniagaan sangat perlu dalam sebuah masyarakat sejahtera dan makmur. Mencapai perniagaan haruslah diiringi semangat dan dorongan dari orang lain. Oleh itu seorang peniaga memerlukan kemudahan yang berhubungan dengan institusi-institusi kewangan yang mampu memberi sokongan terhadap mereka. BQ-BIMA, melalui program pembangunan ekonomi masyarakat mencuba untuk membiayai masyarakat Banda Aceh bagi yang mempunyai pekerjaan bermula. Sokongan ini dilakukan untuk menjadikan pedagang boleh berdikari dan boleh mengembangkan usahanya menjadi lebih besar, berkemampuan pemimpin dan boleh memenuhi keperluan hidup yang layak. Walaupun demikian menyedari institusi ini sebagai institusi kewangan mikro syariah usaha perdagangan yang akan dibiayai hanyalah kepada usaha yang dianggap halal dengan adanya keterangan daripada kepala kampung atau lingkungan.

Saling percaya dan rasa amanah menjadi kunci keberhasilan dalam pembiayaan untuk membangun ekonomi masyarakat yang bersungguh-sungguh berusaha. Kepercayaan daripada pihak institusi sebagai pemberi pembiayaan percaya kepada yang penerima pembiayaan, bahawa pembiayaan yang disalurkan pasti akan dikembalikan sesuai dengan perjanjian. Begitu juga dengan yang penerima pembiayaan harus menerima amanah kepercayaan tersebut. Disebabkan usaha saling mengamanahkan,

¹²⁸ I Wayan Dipta, "Pengembangan Klaster Bisnis Untuk Memperkuat Daya Saing Usaha Kecil dan Menengah", Asisten Deputi Urusan Penelitian Sumberdaya Koerasi, Usaha Kecil dan Menengah, http://www.docstoc.com/docs/DownloadDoc.aspx?doc_id=20906637&ref_url=

¹²⁹ Swastha, Basu. 2001. *Azas-Azas Marketing*. Yogyakarta: Liberty. h. 192

masing-masing mempunyai kewajipan untuk membayar kembali pinjaman tersebut sesuai dengan jangka waktu yang sudah disepakati secara bersama.

Setelah saling memberi amanah, haruslah ada kesepakatan antara BQ-BIMA Banda Aceh (*kreditur*) dengan ahli penerima pembiayaan (*debitur*), bahawa mereka sepakat dengan perjanjian yang telah ditetapkan. Dalam perjanjian pembiayaan mencakupi hak dan kewajipan masing-masing pihak, termasuk jangka waktu serta pembahagian untung dan rugi juga telah disepakati. Selain daripada itu, tindakan hukuman juga harus disepakati apabila si penerima pembiayaan (*debitur*) ingkar janji (*one prestasi*), terhadap perjanjian yang telah disepakati bersama. Pembiayaan yang dijalankan secara syariah tidak dibenarkan adanya unsur bunga, pembiayaan yang diberikan atas dasar kepercayaan. Secara ringkasnya ada 4 unsur yang terdapat dalam pembiayaan iaitu¹³⁰:

a. Kepercayaan

Kepercayaan iaitu BQ-BIMA sebagai pihak menyedia modal yang memberikan pinjaman harus mempunyai keyakinan bahawa ahli yang menerima pembiayaan sanggup mengembalikan kembali modal yang telah diberikan dengan jangkaan masa yang telah disepakati secara bersama.

b. Kesepakatan

Kesepakatan ialah perjanjian berbentuk akad yang dibuat secara tertulis dengan sama-sama memberikan tandatangan dan diucapkan secara bersama antara penyedia pembiayaan dengan calon penerima pembiayaan. Dalam akad ini masing-masing pihak setuju dengan hak dan kewajipan atas pembiayaan yang diberikan. Kesepakatan ini merupakan unsur yang sangat penting terhadap pembiayaan agar terhindar dari penipuan dan kecuaian daripada mana-mana pihak.

¹³⁰ Project Proposal Pemberdayaan Ekonomi dan Usaha Masyarakat Produktif Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh. 7.5.2009.

c. Risiko

Risiko yang akan dihadapi oleh BQ-BIMA Banda Aceh ialah kerugian yang akan dialami seandainya ada ahli yang tidak mengembalikan pembiayaan yang telah diberikan. Risiko boleh sahaja terjadi kerana kelalaian ahli dalam mengurus usaha, terjadi bencana alam dan penipuan oleh ahli. Juga yang menyebabkan risiko kerana lamanya tempoh masa yang telah ditentukan, kerana dengan tempoh masa yang lama di khawatirkan akan terjadi banyak hambatan dalam pekerjaan-pekerjaan yang sedang dibuat.

d. Pembahagian keuntungan

Keuntungan atas pemberian suatu pembiayaan tersebut yang dikenal dengan berkongsi keuntungan dan rugi. BQ-BIMA sebagai penyedia modal akan bekerjasama dengan para ahli sebagai pengusaha untuk membuat kerja dengan harapan akan mendapat keuntungan, dengan ada keuntungan maka pihak pengusaha akan berkongsi dengan BQ-BIMA sebagai penyedia modal.

3.12.9 Statistik Pelanggan Program Pembangunan Ekonomi

Maklumat berkenaan dengan jumlah yang terlibat dalam program pembangunan ekonomi perlu untuk menjelaskan tentang pelaksanaan yang telah dicapai oleh BQ-BIMA Banda Aceh. Maklumat tersebut boleh memberi gambaran peringkat keberhasilan BQ-BIMA Banda Aceh dalam operasi program pembangunan ekonomi masyarakat. Keterlibatan masyarakat Banda Aceh secara keseluruhan dengan BQ-BIMA Banda Aceh terhitung ramai, sejak berdirinya sampai tahun 2008 berjumlah 1,208 orang.¹³¹

Keterlibatan pelanggan secara keseluruhan merupakan semua jumlah ahli yang terlibat dalam berbagai pembiayaan mahupun simpanan. Program pembangunan

¹³¹ Laporan Kegiatan Pengurus Koperasi Syariah Baitul Qirad Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Tahun 2008.

ekonomi merupakan program khusus yang dibuat oleh BQ-BIMA Banda Aceh pada awal pendirian koperasi. Pada tahun 2006 pembiayaan untuk program pembangunan ekonomi masyarakat baru disalurkan kepada pelanggan yang di anggap layak menerima¹³². Jadual 3.1 menunjukkan tahun 2006 pelanggan yang mendapat pembiayaan melalui program pembangunan ekonomi berjumlah 47 orang dan pada tahun 2010 berjumlah 60 orang. Bagi pelanggan tahun 2010 ketika dibuat penelitian belum layak diedar soal selidik karena masih dalam proses penyaluran. Sementara yang diambil soal selidik dari pelanggan yang mendapat pembiayaan tahun 2006 secara populasi.¹³³

Jadual 3.1 Berdasarkan Pembiayaan Program Pembangunan Ekonomi

| Pelanggan Program Pembangunan Ekonomi | Jumlah |
|---------------------------------------|------------|
| Tahun 2006 | 47 |
| Tahun 2010 | 60 |
| Jumlah | 107 |

Sumber : maklumat dari Laporan Kegiatan Pengurus Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh

Dari jadual 3.2 menunjukkan jumlah pelanggan penerima pembiayaan program pembangunan ekonomi yang sudah berjaya dari program ini berjumlah 39 orang. Jumlah ini dapat dilihat dengan kejayaan membayar kembali seramai 39 dan secara purata mengalami peningkatan. Sementara untuk yang selelum dapat menyelesaikan pembayaran tidak seta-merta dibiarkan akan tetapi akan selalu dibimbing dan masih dalam tahap pembayaran dengan diberikan keringanan.¹³⁴

¹³² Tuan Mufti Almahfudz, Manager Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Temubual pada 25 September 2010.

¹³³ Laporan Kegiatan Pengurus Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Tahun 2009

¹³⁴ Laporan Kegiatan Pengurus Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Tahun 2009.

Jadual 3.2 Jumlah Keberhasilan Pengembalian Pembiayaan Tahun 2006

| Keberhasilan Pengembalian Pembiayaan Tahun 2006 | Jumlah |
|--|---------------|
| Telah Mengembalikan Pembiayaan | 39 |
| Belum Lunas | 8 |
| Jumlah | 47 |

Sumber : maklumat dari Laporan Kegiatan Pengurus Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh

3.12.10 Pendampingan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Mencapai matlamat yang telah dirancang diperlukan usaha-usaha, menciptakan, membangun hubungan dan memanfaatkan lingkungan yang ada. Memanfaatkan segala kondisi sangat penting bagi membangun keberterusan dan memudahkan menjalankan segala aktiviti. Menjalankan aktiviti program pembangunan ekonomi pada institusi BQ-BIMA Banda Aceh memerlukan bimbingan dan pengawasan, bagi mengelakkan risiko yang akan terjadi. Pendampingan merupakan program bimbingan dan pengawasan terhadap program pembangunan ekonomi masyarakat. pendampingan mempunyai sasaran dan matlamat yang mempunyai kepiawaian umum Baitul Qiradh¹³⁵ iaitu:

- i. Pendampingan diharapkan dapat menjaga ahli dan memberi nasihat supaya pengembalian modal daripada BQ-BIMA sesuai masa yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan perkongsian untung yang telah disepakati bersama. Langkah ini dimaksudkan agar ahli yang mendapat pembiayaan tetap mentaati akad pembayaran.
- ii. Bagi mengurangi risiko barang jaminan disimpan pada BQ-BIMA secara fizik jika barang tersebut benda bergerak seperti saham dan surat-surat berharga.

¹³⁵ Project Program Pemberdayaan Ekonomi dan Usaha Masyarakat Produktif. Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh.2009.

- iii. Pendampingan juga perlu untuk membantu ahli dalam mentadbir dan laporan kewangan untuk menentukan keuntungan dan modal hingga para ahli dapat terhindar daripada kerugian akibat kecuaian.
- iv. Pendampingan juga berfungsi sebagai pembinaan, memantau dan memberi latihan kepada anggota penerima pembiayaan.

Harapan pendampingan akan berjalan apabila bimbingan dan pengawasan boleh berjalan dengan selaras. Bimbingan dan pengawasan sememangnya perlu dalam program pembangunan ekonomi masyarakat, ini sedang dicadangkan dari awal karena program pembangunan ekonomi memang dikhatuskan. Pengawalan dan bimbingan ini dilakukan dengan membuat program pendampingan iaitu para pelanggan yang terlibat dalam program pembangunan ekonomi masyarakat akan didampingi dengan cara membuat pertemuan bulanan atau satu bulan kali pertemuan. Dalam majlis bulanan tersebut setiap pelanggan akan memberikan gambaran usahanya dengan memaparkan kelebihan dan kekurangan dalam berusaha. Sedangkan dari pihak Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri dalam pertemuan tersebut akan memberikan materi-materi yang berhubung kait dengan program dan keinginan pelanggan. Materi tersebut berupa pentingnya tanggungjawab dalam usaha, managemen usaha, akad-akad syariah, keagamaan, dan materi yang di sarankan oleh pelanggan. Bentuk perbincangan ini dianggap lebih berkesan berbanding dengan memberikan kursus kepada pelanggan yang sedang menjalankan usaha. Perbincangan boleh bagi pengalaman di antara anggota dan juga dengan tim pendampingan dari BQ-BIMA. Selain dari itu bentuk seperti ini tidak nampak terlalu formil sehingga pelanggan tidak merasa kaku dalam memaparkan masalah-masalah yang sedang dihadapi dalam usaha mereka masing-masing. Pendampingan ini lebih mudah dilakukan bagi usaha yang berbentuk kelompok karena membangun komunikasi antara kelompok dengan baitul Qiradh Bina Insan Mandiri lebih mudah dan kalau ada masalah usaha diantara mereka, kawan-kawan yang satu

kelompok dengannya akan lebih dahulu memberikan saranan-saranan untuk menghindari kegagalan.¹³⁶ Walaupun demikian karena masih ada keterbatasan dari Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh maka tidak semuanya mendapat pendampingan, mereka yang tidak didampingi apalagi yang bentuknya personal atau perseorangan.

3.13 Kesimpulan

Pembentukan BQ-BIMA yang berbadan hukum koperasi dengan ketentuan UU No. 22 tahun 1992 tentang pokok-pokok berkoperasi bahawa koperasi harus mempunyai badan undang-undang, maka dari itu BQ-BIMA telah melaporkan pengesahan agensi pada tarikh 8 Februari 2006 dengan Badan Hukum No. 457/BH/KDK/1.9/II/2006 sekali gus menetapkan sebagai koperasi syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri. BQ-BIMA Banda Aceh mempunyai kekuasaan untuk mengelola dana masyarakat dalam mendanai kegiatan usaha yang produktif untuk membangkitkan dan membangunkan ekonomi umat.¹³⁷ BQ-BIMA Banda Aceh beralamat di jalan T. Cut Ali tepatnya di sebelah barat masjid raya Baiturrahman Banda Aceh.

Setelah didirikannya BQ-BIMA dengan harapan boleh meningkatkan pendapatan masyarakat awam melalui pembangunan usaha kecil di bidang perniagaan, keahlian, usaha keluarga, pertanian, dan lain-lain. Pelaksanaan tentang pengelolaan kewangan dalam operasi menggunakan skim simpanan dan pembiayaan sesuai dengan konsep syariah dalam amalan pembiayaannya yang berupa prinsip *al-mudārabah, al-Mushārakah, al-Murābahah, al-bay' bithaman ājil (BBA), Qard al-Hasan, dan al-Ijārah.*¹³⁸

¹³⁶ Tuan Mufti Almahfudz, Manager Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Temubual pada 25 September 2010.

¹³⁷ Juli Sartika Sari (2009), *Op. Cit.*, h. 38

¹³⁸ Profil Lembaga, Koperasi Syariah Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri, Desa/Kel: Kampung Baru, Kec: Baiturrahman, Kota/Kab.: Banda Aceh. 2006.

Program pembangunan ekonomi masyarakat merupakan salah program yang bermatlamatkan membangunkan perekonomian dan kualiti masyarakat khasnya Banda Aceh. Secara praktis usaha untuk mengembangkan potensi ekonomi rakyat harus fokuskan untuk meningkatkan produktiviti rakyat sama ada sumber insan atau sumber daya alam di sekelilingnya. Membina memanfaatkan lingkungannya secara penyertaan akan menghasilkan dan menumbuhkan nilai tambah ekonomi yang boleh menstabilkan mereka. Program ini dikhaskan bagi masyarakat kecil dan sederhana yang mahu berdikari dengan mengembangkan usaha sehingga mempunyai pendapatan yang berkecukupan. Pelaksanaan program ini juga di khususkan bagi pekerja dalam sektor industri keluarga dan peniaga kecil dan sederhana.

Di dalam pelaksanaan program pembangunan ekonomi masyarakat ada beberapa prinsip yang diguna pakai yang bersesuaian dengan prinsip BQ-BIMA Banda Aceh iaitu: *Prinsip tāawun* (tolong menolong), *Prinsip al-Tijārah* (bisnis), Prinsip menghindari *Iktinaz* (penimbunan wang), Prinsip pelarangan riba dan Prinsip zakat. Manakala akad-akad yang digunakan program ini ialah *mudārabah, mushārakah, murābahah, al-bay' bithaman ājil (BBA), Qard al-Hasan, dan al-Ijārah*.¹³⁹

¹³⁹ *Ibid.*